KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

UMT

PELAN STRATEGIK UMT 2023-2027

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TEROKAAN SELUAS LAUTAN, DEMI KELESTARIAN SEJAGAT

PELAN STRATEGIK UMT 2023-2027

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
TEROKAAN SELUAS LAUTAN, DEMI KELESTARIAN SEJAGAT

PELAN STRATEGIK UMT 2023-2027

Hak Cipta Terpelihara © 2024. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

© 2024 All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Director, Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Diterbitkan oleh/Published in Malaysia

Penerbit UMT
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus
Terengganu, Malaysia

https://penerbit.umt.edu.my/
E-mel: penerbitumt@umt.edu.my

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7625-21-8

Kategori : Manual

Set in Helvetica Neue LT Std

Reka bentuk: PKK UMT
Reka letak: PKK UMT

Dicetak oleh:
Sirdee Enterprise
MPKT 015687
Kg. Telaga Daing
Seberang Takir
21300 Kuala Nerus
Terengganu.

ISI KANDUNGAN

Tinta Pengerusi LPU 4
Bicara Naib Canselor 5
Ringkasan Eksekutif 6
Matlamat Pelan Strategik UMT 2023-2027 7
Latar Belakang UMT 9
Pengenalan Pelan Strategik UMT 2023-2027 16
Pencapaian Utama Pelan Strategik UMT 2018-2022 18
Teras Pelan Strategik UMT 2023-2027 21
Proses Penyediaan PSUMT 2023-2027 22
Pelaksanaan dan Pemantauan 24
Falsafah, Visi, Misi, Bidang Tujahan dan Slogan 25
Nilai-nilai Teras UMT 26
Kerangka Pelan Strategik UMT 2023-2027 30

Teras Pelan Strategik
Teras 1: Pemerkasaan Bakat 35
Teras 2: Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran 47
Teras 3: Pembangunan Pelajar 63
Teras 4: Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi 79
Teras 5: Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri 97
Teras 6: Keterlihatan Global 109
Teras 7: Kelestarian dan Pendigitalan Kampus 119
Teras 8: Pemantapan Citra 131
Kesimpulan 145
Penghargaan 146



RV DISCOVERY

Research Vessel Discovery


UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
RV DISCOVERY

“Warga UMT telah menunjukkan kesungguhan, daya adaptasi dan semangat juang luar biasa dalam menghadapi pandemik COVID-19. Maka, penggubalan Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2023-2027 ini adalah langkah kita untuk memastikan UMT terus maju dan berinovasi dalam menghadapi cabaran masa depan”



TINTA PENGERUSI LPU

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Buku Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2023-2027 berjaya dihasilkan dengan usaha seluruh warga UMT.

Seiring dengan perkembangan sektor Pendidikan Tinggi Negara, UMT mendokong aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) melalui penghasilan Pelan Strategik UMT bagi tempoh 5 tahun bermula 2023 sehingga 2027. Pelbagai kejayaan membanggakan dikecapi oleh UMT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dipandu oleh pelan strategik yang mantap terutamanya bagi tempoh 5 tahun terakhir walaupun dunia berdepan pandemik COVID-19 yang agak mencabar dan telah memberi impak besar kepada UMT. Alhamdulillah, dengan sokongan dan semangat kebersamaan warga UMT, kita berjaya mengharungi cabaran ini. Izinkan saya mengungkapkan penghargaan dan rasa syukur kepada seluruh warga UMT yang telah bersama-sama menempuhi cabaran yang luar biasa dalam tahun-tahun sebelumnya, terutama ketika dunia dilanda pandemik COVID-19.

Warga UMT telah menunjukkan kesungguhan, daya adaptasi dan semangat juang luar biasa dalam menghadapi pandemik COVID-19. Maka, penggubalan Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2023-2027 ini adalah langkah kita untuk memastikan UMT terus maju dan berinovasi dalam menghadapi cabaran masa depan.

Penglibatan semua pihak dalam pembangunan dan pelaksanaan pelan strategik ini sangat penting bagi memastikan ianya realistik dan releven berdasarkan pencapaian dan pengalaman lalu serta cabaran masa kini. Saya percaya pelan strategik ini mampu direalisasikan melalui strategi, inisiatif dan pelan tindakan yang mantap didokong sepenuhnya oleh bakat akademik dan sokongan akademik, pelajar, alumni, pihak industri, komuniti dan masyarakat.

Bagi pihak ahli Lembaga Pengarah Universiti, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan buku pelan strategik ini terutama yang menyumbang kepada saranan idea dan intipati bagi setiap teras. Insya-Allah, dokumen rasmi ini akan dijadikan panduan gerak kerja warga UMT dalam usaha memastikan visi, misi dan matlamat Pendidikan Tinggi Negara dan UMT tercapai.

Sebagai pengakhiran, saya menyeru agar semua warga UMT menghayati sepenuhnya dokumen ini dan menjadikan pelan strategik ini sebagai rujukan utama dalam penghasilan kerja yang bermutu dan berkualiti tinggi.

PROFESOR DR. MOHAMAD SALMI BIN MOHD SOHOD
PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



"UMT komited dalam mencapai matlamat utama PSUMT 2023-2027 yang secara dasarnya mampu meletakkan UMT sebagai salah sebuah universiti terbaik dalam bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik di Malaysia dan Asia serta menjadikan UMT sebagai pusat rujukan serantau di dalam bidang tujahannya"

BICARA NAIB CANSELOR

Setinggi-tinggi kesyukuran diucapkan kerana dengan izin Allah SWT, UMT berjaya menghasilkan Buku Pelan Strategik UMT 2023-2027 yang akan dijadikan dokumen rasmi gerak kerja warga UMT bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Dasawarsa ini, persekitaran pengajian tinggi negara adalah sangat dinamik yang turut disumbang oleh krisis kesihatan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Perkembangan ini menuntut UMT agar mencari solusi kepada setiap cabaran yang dihadapi secara tuntas bagi memastikan UMT tetap kekal relevan dan mapan.

UMT memerlukan garapan perancangan strategi dan pelan tindakan yang mantap bagi mendepani cabaran ini. Bagi tempoh 5 tahun mendatang, kesemua perancangan strategi dan pelan tindakan ini dirangkumkan melalui penghasilan Pelan Strategik UMT 2023-2027 dengan mengambil kira agenda nasional dan global berpandukan Kerangka Malaysia Madani, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), dan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals- SDGs).


Pada asasnya, UMT komited dalam mencapai matlamat utama PSUMT 2023-2027 yang secara dasarnya mampu meletakkan UMT sebagai salah sebuah universiti terbaik dalam bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik di Malaysia dan Asia serta menjadikan UMT sebagai pusat rujukan serantau dalam bidang tujahannya. Peningkatan reputasi UMT di peringkat nasional dan global akan menjadi fokus utama dalam pelan strategik ini yang secara tidak langsung menjadi pemangkin kepada pencapaian visi UMT.

Pelan strategik ini pastinya terhasil melalui cetusan idea dan saranan oleh pelbagai pihak. Justeru, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan atas komitmen semua dalam memastikan dokumen ini dapat dizahirkan. Penghasilan pelan strategik ini pastinya menjadi sumber rujukan utama kepada seluruh warga UMT dan menjadi indikasi kepada semangat kebersamaan warga dalam usaha membawa UMT ke arah yang lebih cemerlang.

Sebagai penutup, saya mengharapkan agar semua warga UMT komited dalam usaha merealisasikan kesemua strategi dan inisiatif yang terkandung dalam dokumen ini. Saya amat yakin UMT mampu untuk terus mengorak langkah sederap dalam tindakan bersandarkan kebijaksanaan menuju matlamat yang telah digariskan dalam Pelan Strategik UMT 2023-2027.

PROFESOR DATO' DR. MAZLAN BIN ABD GHAFFAR, DPMT., FASc.

NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Universiti Malaysia Terengganu 2023-2027 menggariskan matlamat dan keutamaan universiti untuk tempoh 5 tahun akan datang. Pelan strategik ini dibangunkan berdasarkan pencapaian dan kekuatan UMT dengan dipandu oleh agenda nasional dan antarabangsa seperti Kerangka Malaysia Madani, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals-SDGs) yang bakal melonjakkan kedudukan UMT sebagai peneraju ilmu kelautan dan sumber akuatik terunggul dalam negara dan disegani global.



MATLAMAT UTAMA PELAN STRATEGIK UMT 2023-2027

Pelan Strategik UMT 2023-2027 dibangunkan dengan matlamat untuk menjadikan UMT sebagai sebuah **Universiti Berfokus Marin Terunggul Dalam Negara dan Disegani di Peringkat Global** selaras dengan visi UMT. UMT berhasrat untuk menjadi pusat rujukan serantau dan global bagi ilmu kelautan dan sumber akuatik untuk tempoh 5 tahun akan datang. Ini boleh dicapai melalui pemerkasaan bidang tujahan UMT iaitu Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik yang dizahirkan di dalam setiap teras PSUMT 2023-2027.



Bagi mencapai matlamat tersebut, pelan strategik ini akan memfokuskan kepada lapan teras utama iaitu:

1. Pemerkasaan bakat
2. Kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran
3. Pembangunan pelajar
4. Keunggulan penyelidikan dan inovasi
5. Memacu pemindahan ilmu dan jaringan industri
6. Keterlihatan global
7. Kelestarian dan pendigitalan kampus
8. Pemantapan citra

Kesemua teras ini akan disokong oleh 25 Objektif Strategi dan 79 Petunjuk Prestasi Utama. Pelaksanaan PSUMT 2023-2027 akan dipandu oleh lima nilai teras berikut:

1. Ghairah kepada kebenaran
2. Mengejar kecemerlangan
3. Pemerkasaan kepimpinan akademik
4. Menghormati kepelbagaian keserakanan
5. Menyemai kecintaan alam

Nilai teras ini dapat membentuk budaya UMT yang positif, memotivasikan warga dan memperkuatkan komitmen terhadap pencapaian matlamat dan objektif PSUMT. Ia mengukuhkan kebersamaan dan keberkesanan dalam tindakan yang dilaksanakan bagi memastikan sasaran PSUMT dapat dicapai.

Sebagai sebuah institusi, UMT telah membuat introspeksi dan belajar untuk menjadi lebih baik dan lebih utuh pada hari ini. UMT komited untuk terus menerima maklum balas daripada pelajar, fakulti, staf dan semua pihak berkepentingan dalam semua aspek bagi memastikan pelan strategik ini berjaya dilaksanakan demi mencapai matlamat yang telah dihasratkan.



LATAR BELAKANG UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Terletak di pesisir Laut China Selatan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mula bertapak sebagai sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera di bawah naungan Universiti Pertanian Malaysia (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia). Ia mula beroperasi pada tahun 1979 di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu dan berfungsi menyediakan kemudahan latihan kepada pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan kepada pensyarah.

Pada bulan Jun 1996, Pusat Perikanan dan Sains Samudera telah dinaik taraf sebagai sebuah kampus cawangan UPM yang dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT). Melalui penstrukturan semula ini, Fakulti Perikanan dan Sains Samudera, UPM telah dipindahkan dari Serdang ke Kuala Terengganu dan dijenamakan semula sebagai Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi. Selain itu, Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas serta Pusat Pengajian Matrikulasi turut ditubuhkan di kampus cawangan ini.

Jemaah Menteri pada bulan Mei 1999 telah meluluskan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) sebagai sebuah kampus bersekutu UPM. Seterusnya, pada 1 Mei 2001, KUT telah diberi kuasa autonomi dan dijenamakan sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Penubuhan KUSTEM adalah selari dengan hasrat kerajaan supaya kolej ini menjadi peneraju bidang sains dan teknologi.

Pada 1 Februari 2007, sejarah terpahat apabila KUSTEM dinaik taraf sebagai sebuah universiti penuh dan dikenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Perbadanan) – (P.U. (A) 27/2007).

1979

Pusat Perikanan dan Sains Samudera, UPM



1996

Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu UPMT



1999

Kolej Universiti Terengganu KUT



2001

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia KUSTEM



2007

Universiti Malaysia Terengganu UMT



SENARAI FAKULTI DAN INSTITUT PENYELIDIKAN

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS MAKANAN (FPSM)

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL (FPEPS)

FAKULTI PENGAJIAN MARITIM (FPM)



6 FAKULTI



FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KELAUTAN (FTKK)

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK (FSKM)

FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN (FSSM)

INSTITUT OSEANOGRAFI DAN SEKITARAN (INOS)

HICoE

4 INSTITUT

INSTITUT AKUAKULTUR TROPIKA DAN PERIKANAN (AKUATROP)

HICoE

INSTITUT ADAPTASI IKLIM DAN BIOTEKNOLOGI MARIN (ICAMB)



INSTITUT BIODIVERSITI TROPIKA DAN PEMBANGUNAN LESTARI (IBTPL)

PUSAT ASASI STEM (PASTEM)

2 PUSAT

PUSAT PENDIDIKAN ASAS DAN LANJUTAN (PPAL)

PROGRAM PRASISWAZAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

ASASI STEM

DIPLOMA PERIKANAN

SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS MAKANAN

- SARJANA MUDA SAINS AKUAKULTUR DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (PERIKANAN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (TEKNOLOGI MAKANAN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS AGROTEKNOLOGI (SAINS TANAMAN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (PERKHIDMATAN MAKANAN & PEMAKANAN) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN

- SARJANA MUDA SAINS (SAINS KIMIA) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS (SAINS MARIN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS (SAINS BIOLOGI) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS (BIOLOGI MARIN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS (GEOSAINS MARIN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS GUNAAN NANOFIZIK DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS (KIMIA ANALISIS & PERSEKITARAN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (PEMULIHARAAN & PENGURUSAN BIODIVERSITI) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PENGAJIAN MARITIM

- SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA PENGURUSAN OPERASI MARITIM DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS (SAINS NAUTIKA DAN PENGANGKUTAN MARITIM)

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KELAUTAN

- SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (ELEKTRONIK & INSTRUMENTASI) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (TEKNOLOGI MARITIM) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA TEKNOLOGI (ALAM SEKITAR) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (SENIBINA KAPAL) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

- SARJANA MUDA SAINS (ANALITIK DATA) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK GUNAAN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK KEWANGAN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KOMPUTERAN MUDAH ALIH) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER DENGAN INFORMATIK MARITIM (KEPUJIAN)

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

- SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN POLISI) DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA PENGURUSAN PELANCONGAN DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN
- *SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN KEPUJIAN

www.umt.edu.my

PROGRAM PASCASISWAZAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PROGRAM SARJANA (KERJA KURSUS)

- SARJANA SAINS (AKUAKULTUR)
- SARJANA SAINS PERIKANAN TROPIKA
- SARJANA SAINS (FORENSIK ALAM SEKITAR)
- SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN
- SARJANA PENGURUSAN (ZON PANTAI BERSEPADU)
- SARJANA KAUNSELING
- SARJANA EKONOMI
- SARJANA SAINS KOMPUTER
- SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT
- SARJANA MATEMATIK
- SARJANA STATISTIK SAINS MARIN
- SARJANA SAINS SEKITARAN MARIN TROPIKA
- SARJANA SAINS (BIODIVERSITI TROPIKA)
- SARJANA SAINS (PENGAJIAN MARITIM)
- DIPLOMA PASCASISWAZAH PENGAJIAN MARITIM
- SIJIL PASCASISWAZAH PENGAJIAN MARITIM

PROGRAM SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH (PENYELIDIKAN)

- BIOLOGI DAN BIOKIMIA
- PERNIAGAAN DAN PENTADBIRAN
- SAINS KOMPUTER
- PENGELUARAN TANAMAN DAN TERNAKAN
- SAINS BUMI
- EKONOMI
- PERDAGANGAN KEJURUTERAAN DAN KEJURUTERAAN
- SAINS ALAM SEKITAR
- TEKNOLOGI PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR
- PERIKANAN
- PEMPROSESAN MAKANAN
- KEMANUSIAAN
- MATEMATIK
- SAINS FIZIKAL
- SAINS SOSIAL DAN TINGKAH LAKU
- KHIDMAT SOSIAL DAN KAUNSELING
- PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
- PERAKAUNAN DAN PERCUKAIAN

Maklumat lanjut sila hubungi :
Pusat Pengurusan Siswazah
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu
Tel : 09-668 5057/4335
E-mel : gso@umt.edu.my
Web : http://gsea.umt.edu.my

AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

PENGERUSI



YBrs. Prof. Dr. Mohamad Salmi bin Mohd Sohod

AHLI



YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar, FASc.
Naib Canselor



YH. Dato' Indera Ab Rahim bin Ab Rahman
Wakil Kementerian Kewangan



YBrs. En. Hussin bin Mahmud
Wakil Kementerian Pendidikan Tinggi



YBhg. Dato' Dr. Hj. Din bin Adam
Wakil Masyarakat



YBhg. Dato' Seri Profesor Emeritus Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak
Wakil Swasta



YBrs. En. Mazahan bin Mohd Ali
Wakil Swasta



YBhg. Dato' Adnan bin Hussain
Wakil Alumni



YBrs. En. Hirman bin Awang@Semail
Wakil Silih Ganti Kementerian Pendidikan Tinggi

SETIAUSAHA



YBrs. Tuan Haji Ts. Wan Abdul Manan bin Wan Abdullah

Berkuat kuasa 1 Januari 2024

PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar, FASc.
Naib Canselor



Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)



Profesor ChM. Dr. Marinah binti Mohd Ariffin
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)



Profesor Dr. Mohd Izani bin Mohd Zain
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



Profesor Dr. Fauziah binti Abu Hasan
Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)



Profesor Dr. Tengku Sifzizul bin Tengku Muhammad
Pro Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)



Tuan Haji Ts. Wan Abdul Manan bin Wan Abdullah
Pendaftar



Puan Azizah binti Hasan, C.A.(M)
Bendahari



Dr. Fahirah Syaliza binti Mokhtar
Penasihat Undang-Undang



En. Abu Hassan bin Ghazali
Ketua Pustakawan



En. Mohd Faizal bin Mohd Noor
Pengarah Pembangunan dan Harta

Berkuat kuasa 1 Januari 2024




PENGENALAN PELAN STRATEGIK UMT 2023-2027

Pelan Strategik UMT 2023-2027 merupakan komponen penting UMT dalam usaha merangka, merancang dan menentukan program serta inisiatif untuk mencapai matlamat UMT yang akan menyumbang kepada pencapaian agenda universiti dan nasional bagi tempoh 5 tahun yang mendatang. Pelan strategik yang kelima ini adalah kesinambungan perancangan yang telah termaktub dalam Pelan Strategik UMT 2018-2022 yang diolah melalui penganalisaan pencapaian terdahulu serta dipandu oleh agenda nasional dan antarabangsa seperti Kerangka Malaysia Madani, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), dan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals- SDGs).

Berdasarkan kefungsian universiti untuk memburu ilmu baharu dan memburu kecemerlangan, UMT akan digerakkan oleh tiga tonggak utama yakni penghasilan ilmu baharu, penyebaran ilmu baharu dan pemindahan ilmu di samping empat pemboleh daya utama iaitu bakat akademik dan sokongan akademik, sumber, pemimpin dan rakan kolaborasi. Tiga tonggak dan empat pemboleh daya tersebut diterjemahkan kepada kerangka Penyelidikan, Pengajaran dan Perkhidmatan yang telah disusun rapi berdasarkan lapan teras utama PSUMT 2023-2027.


Cakupan teras di dalam pelan strategik ini melibatkan Teras Pemerkasaan Bakat, Teras Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran, Teras Pembangunan Pelajar, Teras Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Teras Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri, Teras Keterlihatan Global, Teras Kelestarian dan Pendigitalan Kampus dan Teras Pemantapan Citra. Kesemua teras ini akan menumpu kepada pencapaian matlamat utama PSUMT 2023-2027 yang antara lain meletakkan UMT sebagai salah satu universiti terbaik dalam bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik di Malaysia dan Asia serta menjadikan UMT sebagai pusat rujukan kebangsaan dan serantau dalam bidang tujahan. Kelapan-lapan teras yang direncanakan dalam pelan strategik akan turut disokong oleh 25 Objektif Strategi (OS) dan 79 Petunjuk Prestasi Utama (KPI).


UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT
PPNT
YAG PERDANA MENTERI
UMT



THALES
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
RV DISCOVERY

PENCAPAIAN UTAMA PELAN STRATEGIK UMT 2018-2022


Peratus bakat akademik cemerlang (kumulatif)




Peratus kebolehpasaran graduan




Peratus pelajar yang mendapat anugerah kebangsaan dan antarabangsa




Nisbah penerbitan artikel jurnal terindeks per pensyarah




Nisbah sitasi kumulatif per pensyarah




Bilangan komuniti yang terlibat dalam program pemindahan ilmu




Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa




Peratus bakat akademik antarabangsa



Peratus penjanaan pendapatan berbanding perbelanjaan operasi



QS Asia University Rankings







TERAS PELAN STRATEGIK UMT (PSUMT) 2023-2027

UMT mengekalkan lapan teras utama PSUMT bagi meneruskan momentum kecemerlangan. Lapan teras tersebut ialah Teras Pemerkasaan Bakat, Teras Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran, Teras Pembangunan Pelajar, Teras Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Teras Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri, Teras Keterlihatan Global, Teras Kelestarian dan Pendigitalan Kampus dan Teras Pemantapan Citra.

Pengurusan Bakat merupakan tonggak utama dalam menjayakan pelaksanaan PSUMT seterusnya meningkatkan kecemerlangan universiti. Oleh itu, UMT komited dalam membangunkan bakat akademik dan sokongan akademik cemerlang yang dilabelkan sebagai pakar bidang dan menjadi sumber rujuk di peringkat nasional mahu pun antarabangsa. Justeru, Teras Pemerkasaan Bakat menjadi agenda penting dalam pelan strategik ini yang akan memastikan segala perancangan UMT dapat direalisasikan dalam persekitaran yang kondusif dan sejahtera.

Penyebaran ilmu baharu merupakan salah satu tonggak utama sesebuah universiti. Tonggak ini diterjemah kepada Teras Pembelajaran dan Pengajaran di dalam pelan strategik ini melalui pewujudan program akademik yang berkualiti, pemerkasaan pembelajaran sepanjang hayat dan penawaran kandungan digital pembelajaran dan pengajaran. Kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran akan menjadi pemangkin kepada penghasilan graduan yang berdaya saing.

Bagi memastikan sasaran keberhasilan graduan berdaya saing, UMT komited dengan usaha membangunkan pelajar seimbang serta mempunyai watak pemimpin dan bercirikan usahawan serta mampu untuk mencipta peluang pekerjaan. Komitmen ini dinyatakan dalam Teras Pembangunan Pelajar melalui pembentukan karakter pelajar berdaya saing dan pewujudan ekosistem keusahawanan tanpa pengabaian kepada kesejahteraan hidup pelajar. Keberhasilan ini menjadi salah satu faktor penentu kepada pertautan semula alumni UMT dengan pihak universiti.

UMT turut komited dalam garapan penghasilan ilmu baru melalui Teras Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi. Pembudayaan penyelidikan berimpak tinggi dan berkualiti oleh penyelidik perlu dilonjakkan. Peningkatan hasil penyelidikan yang berkualiti akan memacu kepada peningkatan inovasi, aktiviti perundingan dan penjanaan pendapatan. Kecemerlangan penyelidikan dan inovasi boleh diukur melalui pengiktirafan pihak luar terhadap UMT terutamanya kepada institusi penyelidikan.

Ilmu baharu tidak seharusnya berlegar di universiti sahaja. Bagi maksud ilmu untuk diamalkan, pelan strategik ini memfokus kepada pemerkasaan program pemindahan ilmu berimpak tinggi, program tanggungjawab sosial universiti dan lonjakan kolaborasi di antara Universiti dan industri melalui Teras Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri.

Bagi mencapai hasrat agar UMT terlihat unggul di persada antarabangsa, pelan strategik ini mengupayakan aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan seperti pemantapan program mobiliti dan pemerkasaan jaringan global melalui Teras Keterlihatan Global. Keterlihatan UMT sebagai institusi bertaraf global bakal menarik minat pelajar dan pensyarah antarabangsa untuk mencari ilmu dan rakan kolaborasi di UMT.

UMT perlu terus kekal berdaya tahan dengan jaminan kepada kelestarian pemboleh daya sumber. Melalui Teras Kelestarian dan Pendigitalan Kampus, UMT komited dalam memastikan kemampanan kewangan dan kelestarian kampus di samping sokongan kepada sumber infrastruktur dan infostruktur melalui strategi pendigitalan kampus.

Bagi menjamin kesohoran UMT di peringkat nasional dan antarabangsa, UMT akan terus melaksanakan agenda peningkatan reputasi universiti melalui Teras Pemantapan Citra. UMT komited dalam meningkatkan pencapaian reputasi dalam kalangan ahli akademik dan pemain industri di samping peningkatan kedudukan dalam penarafan MyRA dan SETARA. Selain itu, UMT turut memfokuskan kepada strategi bagi melonjak kedudukan universiti dalam bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik di Malaysia dan Asia.

PROSES PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK UMT (PSUMT) 2023-2027





Usaha penyediaan dokumen PSUMT 2023-2027 telah bermula sejak 24 Ogos 2021 dengan terlaksananya Bengkel Awal PSUMT 2023-2027 Bersama Naib Canselor dan Pegawai Utama UMT. Melalui bengkel tersebut, teras-teras utama telah dibincangkan dan Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR) bertindak sebagai penyelaras kepada penyediaan pelan strategik ini.

Sepanjang bulan November 2021 sehingga Jun 2022, beberapa siri bengkel telah dilaksanakan bagi penyediaan Objektif Strategi (OS), Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan inisiatif untuk setiap teras. Secara prinsipnya, proses penyediaan ini telah melibatkan wakil daripada kumpulan akademik, sokongan akademik, pelajar dan pihak-pihak berkepentingan lain sama ada di dalam dan luar UMT bagi mendapatkan input yang membolehkan pandangan dan keputusan dibuat secara kolektif.

Hasil Mesyuarat MPU Kali ke-251 Bil. 25/2021 yang bersidang pada 13 Oktober 2021 telah meluluskan matlamat PSUMT 2023-2027 dan Mesyuarat MPU Kali ke-263 Bil. 7/2022 yang berlangsung pada 4 April 2022 telah meluluskan penetapan lapan teras sebagaimana terkandung dalam pelan strategik ini. Selanjutnya, Bengkel Utama PSUMT 2023-2027 telah dilaksanakan pada 22 Jun 2022 bagi tujuan menyemak dan meneliti cadangan OS, KPI dan inisiatif setiap teras. Sepanjang bulan Julai sehingga Disember 2022, beberapa siri bengkel pemurnian telah dilaksanakan berdasarkan cadangan penambahbaikan daripada bengkel utama.

Kerangka PSUMT 2023-2027 telah diluluskan pada 8 November 2022 melalui Mesyuarat MPU Kali ke-273 Bil. 17/2022. Draf PSUMT 2023-2027 telah dibentangkan dalam Bengkel MPU PSUMT 2023-2027 pada 19 Disember 2022 dan pada tarikh tersebut draf ini telah diperakukan dalam Mesyuarat MPU Kali ke-276 Bil. 20/2022.

Pemurnian draf PSUMT 2023-2027 telah diluluskan dalam MPU Kali ke-286 Bil 10/2023 (Khas) pada 27 September 2023. Bengkel PSUMT 2023-2027 bersama ahli LPU telah diadakan pada 14 Oktober 2023 dan pada hari yang sama LPU meluluskan PSUMT 2023-2027.



24 OGOS 2021

Bengkel Awal PSUMT Baharu bersama Naib Canselor dan Pegawai Utama
Penetapan Teras Utama PSUMT 2023-2027

13 OKTOBER 2021

MPU Kali ke-251 (Bil. 25/2021) penambahbaikan dan meluluskan sasaran penarafan PSUMT 2023-2027

NOV 2021- JUN 2022

Bengkel oleh Teras-teras

4 APRIL 2022

MPU Kali ke-263 (Bil. 7/2022) meluluskan 8 Teras PSUMT 2023-2027

22 JUN 2022

Bengkel Utama PSUMT 2023-2027

JULAI - DIS 2022

Penambahbaikan oleh Teras

8 NOVEMBER 2022

MPU Kali ke-273 (Bil. 17/2022) meluluskan Kerangka PSUMT 2023-2027

19 DISEMBER 2022

- Bengkel bersama ahli MPU
- MPU Kali ke-276 (Bil. 20/2022) memperakukan Draf PSUMT 2023-2027

27 SEPTEMBER 2023

MPU Kali ke-286 (Bil. 10/2023) Khas meluluskan pemurnian draf PSUMT 2023-2027

14 OKTOBER 2023

- Bengkel PSUMT 2023-2027 bersama ahli LPU
- LPU meluluskan PSUMT 2023-2027


PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN



Pelan Strategik UMT 2023-2027 ini perlu dihayati dan disokong sepenuhnya oleh setiap warga UMT. Kejayaan pelan strategik ini adalah bergantung kepada penyepaduan usaha semua pihak dalam melaksanakan inisiatif bagi menjayakan KPI dan OS yang telah digariskan. Justeru itu, pemantauan kepada pelaksanaan pelan strategik ini akan dibuat secara tersusun dan sistematik dengan pewujudan Jawatankuasa Induk Strategi dan Prestasi Universiti (JKISPU) yang disokong oleh Jawatankuasa Pelaksana Strategi dan Prestasi Universiti (JKPSPU).

KPI di dalam PSUMT ini dilatakan kepada Pengerusi Teras dan juga Pusat Tanggungjawab (PTj) berkaitan. Manakala, proses pemantauan dan pelaporan pencapaian KPI akan dilakukan pada setiap sukuan di dalam mesyuarat JKISPU. Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR) akan bertindak sebagai urus setia yang akan mengumpul, menganalisis dan melaporkan pelaksanaan inisiatif dan pencapaian KPI setiap teras di dalam PSUMT 2023-2027.

FALSAFAH, VISI, MISI, BIDANG TUJAHAN DAN SLOGAN UMT









NILAI-NILAI TERAS UMT








GHAIRAH
KEPADA
KEBENARAN
MENGEJAR
KECEMERLANGAN
PEMERKASAAN
KEPIMPINAN AKADEMIK
MENGHORMATI
KEPELBAGAIAN
KESERAKANAN
MENYEMAI
KECINTAAN ALAM
NILAI-NILAI
TERAS

NILAI TERAS 1 : GHAIRAH KEPADA KEBENARAN/*PASSION FOR TRUTH*

Nilai teras ini berhasrat memupuk kepercayaan yang tinggi terhadap kebenaran. Kepercayaan ini perlu dijelmakan dalam proses pencarian ilmu (penyelidikan), penyampaian ilmu (pengajaran), dan perkongsian serta pemindahan ilmu.

Penyelidikan dengan menggunakan kaedah sains yang tepat (good science) merupakan asas dalam mencari kebenaran. Warga UMT perlu meletakkan kebenaran sebagai agenda utama dalam kerjaya. Mereka tidak harus berpuas hati dengan kebenaran yang ada, dan perlu terus meneroka kebenaran. Kebenaran adalah pakaian keilmuwan atau kesarjanaan.

Warga UMT perlu berkongsi ilmu (kebenaran) sesama rakan kesepakaran dan keserakanan melalui pendekatan budaya ilmu (wacana, seminar dan persidangan) dan penulisan ilmiah. Sumbangan ilmu dari rakan kesepakaran perlu sentiasa diakui sebagai sumber rujukan.

Warga UMT perlu menyampaikan ilmu (kebenaran) kepada pelajar dan masyarakat (kerajaan, industri dan komuniti). Kebenaran fakta dan maklumat perlu sentiasa diutamakan. Ini hanya dapat dilaksanakan dengan cemerlang jika kita memberikan tumpuan dalam bidang dan kepakaran sendiri.

NILAI TERAS 2 : MENGEJAR KECEMERLANGAN/*PURSUIT OF EXCELLENCE*

Kecemerlangan merupakan ‘kualiti tertinggi’ yang boleh dicapai oleh individu atau institusi pada saat sumbangannya disampaikan. Ia berkait rapat dengan iltizam tinggi, keupayaan intelek dan pengalaman. Jika keupayaan menyumbang dipertingkatkan, kecemerlangan juga akan terus meningkat.

Untuk mengejar kecemerlangan, setiap warga perlu menanam semangat kecintaan yang tinggi terhadap ilmu dan tanggungjawab yang diamanahkan (kerja). Semangat ini perlu dijelmakan dalam bentuk hasil sumbangan (output) yang terbaik.

Dalam dunia akademik, hasilan yang cemerlang bermula daripada idea yang bernas, kajian yang berkualiti dan keupayaan intelek yang tinggi. Ahli akademik perlu sentiasa mengasah keupayaan intelek sepanjang kerjayanya.

Kecemerlangan adalah satu tahap kualiti di hadapan perjalanan kita. Kita perlu mengejar kecemerlangan melalui proses penambahbaikan berterusan, menggunakan pengetahuan baharu, dan pendekatan pencarian dan penyampaian terkini. Usaha ini boleh dicapai melalui pendekatan ‘penyelidikan sepanjang hayat’.

NILAI TERAS 3 : PEMERKASAAN KEPIMPINAN AKADEMIK/ *EMPOWERMENT OF ACADEMIC LEADERSHIP*

Ahli akademik adalah pemimpin ilmu kepada diri, pelajar dan masyarakat. Kepimpinan ilmu tidak terhad pada tahap universiti (tempatan), tetapi perlu terus dipertingkatkan ke tahap kebangsaan dan global. Kepimpinan akademik (ilmuwan) bersifat sejagat, berintegriti tinggi dan menjadi asas kepada kewibawaan akademik. Kepimpinan akademik boleh diperkasa melalui pencarian ilmu di ceruk (tujahan) yang belum diterokai.

Ilmu baharu perlu dibuktikan kebenaran, dan sentiasa disampaikan kepada rakan kesepakaran.

Kepimpinan akademik kepada diri melibatkan proses pencarian, pengumpulan dan penyampaian ilmu kepada pemegang taruh (rakan keserakanan, pelajar dan masyarakat) melalui pelbagai pendekatan keilmuan dan pendidikan. Oleh itu, salah satu tugas asas ahli akademik ialah pembangunan akademik kendiri

Kepimpinan akademik kepada rakan kesepakaran merupakan kepimpinan dalam organisasi akademik, NGO (akademik) dan pelbagai program pengajian atau penyelidikan. Kepimpinan ini boleh dizahirkan dalam bentuk pengurusan akademik, kepimpinan berpasukan, dan sumbangan keilmuwan (scholarly contribution).

Kepimpinan akademik kepada masyarakat pula lebih bersifat 'intelek awam' daripada perspektif pemikir negara, pengaruh dasar dan nasihat teknikal (perundingan).

NILAI TERAS 4 : MENGHORMATI KEPELBAGAIAN KESERAKANAN/ *RESPECT FOR COLLEGIAL DIVERSITY*

Dalam dunia akademik keserakanan bermaksud semua ahli akademik atau ilmuwan. Mereka mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang ilmu-sains sosial, sains, ikhtisas dan perubatan. Oleh itu, profesion akademik walaupun mempunyai fungsi dan matlamat (menyelidik, mengajar dan berkongsi ilmu) yang sama, mereka berbeza dalam latar belakang pendidikan dan kepelbagaian ilmu. Dalam konteks ini, memahami dan menghormati kepelbagaian keserakanan merupakan asas kepada kesatuan akademik berbudaya cemerlang.

Ahli akademik perlu memegang kepada beberapa prinsip kepelbagaian kesepakaran berikut:


a. Saling hormat menghormati kepelbagaian ilmu, pendekatan mencari ilmu dan tafsiran ilmu oleh rakan keserakanan;
b. Meraikan wacana akademik yang berpegang kepada falsafah kepelbagaian-berhujah secara berhemah dan menghormati pandangan bercanggah;
c. Sentiasa percaya, kita tidak dapat menguasai semua ilmu, oleh itu, perlu berusaha untuk berkongsi ilmu untuk kebaikan sejagat;
d. Digalakkan untuk berkerja sebagai sebuah pasukan dan saling menggalak dan mengukuhkan proses perkongsian ilmu; dan
e. Ilmu multidisiplin dan transdisiplin hanya dapat dibangunkan berasaskan perkongsian kepakaran dan kepelbagaian ilmu.

NILAI TERAS 5 : MENYEMAI KECINTAAAN ALAM/ *NURTURING NATURE*

Universiti yang berfokus 'ilmu kelautan dan sumber akuatik' perlu memberikan perhatian tertinggi kepada kesihatan alam sekitar. Oleh itu, warga UMT dituntut menanam kepercayaan mendalam tentang kepentingan menjaga alam sekitar, warisan tabii, dan penggunaan sumber asli secara lestari. Kita perlu menjadi peneraju kepada gagasan pemuliharaan sumber asli (nature conservation) dan pendekatan pembangunan mesra alam (sustainable development). Proses menyemai kecintaan terhadap alam perlu dilaksanakan oleh semua warga kampus melalui:

a. Ahli akademik meneroka gagasan ilmu sains kelestarian yang menjadi asas kepada falsafah pembangunan lestari;
b. Staf profesional dan sokongan yang terdedah dan terlibat dalam pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan pemuliharaan alam sekitar, dan membangunkan kesedaran komuniti terhadap kepentingan kesihatan alam sekitar; dan
c. Pelajar yang sentiasa didedahkan kepada ilmu alam sekitar dan pembangunan lestari. Mereka adalah pemimpin muda dan pemimpin generasi akan datang yang bakal mempelopori gagasan pembangunan lestari (keseimbangan pembangunan dan alam sekitar).

KERANGKA PELAN STRATEGIK UMT 2023-2027



RASIONAL BENTUK GEOMETRI

- Kerangka asas berbentuk bulat melambangkan perancangan yang menyeluruh dan dinamik dengan semangat kerjasama berpasukan yang kukuh dan harmoni.
- Segi empat separa piramid dengan permukaan dan tapak yang lentur – Mewakili lapan teras yang teguh namun bersifat dinamik (boleh lentur) sejajar dengan perubahan semasa.
- Simbol panah pada hujung segi empat separa piramid melambangkan setiap teras yang berfokus dengan matlamat dan objektif yang jelas untuk mencapai visi yang telah ditetapkan.
- Lingkaran berbentuk kemudi kapal menonjolkan kesohoran UMT sebagai universiti peneraju ilmu kelautan dan sumber akuatik. Ia juga melambangkan kegemilangan masa depan UMT yang dikemudi dan ditadbir dengan baik.

RASIONAL WARNA

MERAH

Warna merah yang mewakili Teras Pemerkasaan bakat Akademik melambangkan semangat, keberanian dan keghairahan bakat akademik dan sokongan akademik UMT dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing untuk memacu UMT ke puncak kecemerlangan. Segala kekangan dan cabaran mampu diatasi demi UMT.

BIRU

Warna biru yang mewakili Teras Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran melambangkan intelektual, sukses, keyakinan dan ketenangan yang berkait rapat dengan ciri-ciri yang perlu ada pada pelajar dan pensyarah dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

UNGU

Warna ungu yang mewakili Teras Pembangunan Pelajar melambangkan spiritual, bijak dan bervisi, sesuai dengan hasrat melahirkan pelajar holistik yang seimbang dan cemerlang.

OREN

Warna oren atau jingga yang mewakili Teras Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi menyerlahkan energi, kreativiti dan inovasi para penyelidik UMT untuk terus menghasilkan penyelidikan berkualiti yang akan melonjakkan UMT.

COKLAT

Warna coklat yang mewakili Teras Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri melambangkan keseimbangan, kestabilan dan jalinan persahabatan yang erat, khususnya antara universiti dan komuniti melalui aktiviti pemindahan ilmu serta kerjasama bersama industri untuk kecemerlangan UMT.

KUNING

Warna kuning yang mewakili Teras Keterlihatan Global melambangkan sesuatu yang bersinar dan menarik perhatian. Warna ini menunjukkan UMT optimis untuk menyerlahkan kemampuannya di peringkat antarabangsa melalui pelbagai aspek.

HIJAU

Warna hijau yang mewakili Teras Kelestarian dan Pendigitalan Kampus melambangkan kedamaian dan kelestarian yang boleh diterjemahkan kepada kedudukan kewangan UMT yang mampan bagi menyokong segala program dan aktiviti, tanpa terlalu bergantung kepada sumber kerajaan.

PERAK

Warna perak yang mewakili Teras Pemantapan Citra melambangkan sesuatu yang bernilai, mahal dan terkenal. Warna ini amat sesuai menggambarkan citra UMT tersohor sebagai sebuah universiti peneraju ilmu kelautan.

PUTIH

Warna putih di tengah-tengah kerangka ini menggambarkan kesucian, keharmonian, penyatuan dan kebersamaan seluruh warga UMT dalam melaksanakan segala perancangan demi mencapai visi dan misi UMT.

HITAM

Warna hitam pada lingkaran luar kerangka berbentuk kemudi kapal melambangkan keberanian dan tenaga yang gagah perkasa untuk mengemudi UMT mengharungi segala cabaran ke arah kegemilangan.






MAJLIS
ANUGERAH
TAHUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
MAT 2022
MENEROKA POTENSI,
MENJULANG KECEMERLANGAN

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 202



TERAS 1
PEMERKASAAN BAKAT

TERAS 1
PEMERKASAAN BAKAT

Kecemerlangan sesebuah organisasi bergantung kepada kesepaduan individu dan pasukan dalam mencapai sesuatu matlamat. Tenaga kerja merupakan nadi penggerak utama yang perlu diperkasakan secara strategik untuk memastikan visi dan misi UMT direalisasikan. Sehubungan dengan itu, Teras Pemerkasaan Bakat direncanakan secara inklusif merangkumi kesemua warga UMT dengan menekankan budaya kerja cemerlang dan sejahtera.

Matlamat utama teras ini adalah untuk membina warga yang berintegriti, cemerlang, berdaya saing dan mahir dalam pelbagai tugas bagi memastikan kelestarian UMT. Di samping itu, pembudayaan kerja berprestasi tinggi, pengukuhan nilai-nilai teras dan mewujudkan sekitaran kerja sejahtera merupakan komitmen berterusan.





OS 1 :

LONJAKAN KECEMERLANGAN BAKAT AKADEMIK

Bakat akademik adalah tunjang kegemilangan universiti. Kebitaraan bakat akademik dalam pengajaran, penyelidikan dan aktiviti pemindahan ilmu membolehkan mereka menjadi cendekiawan yang akan menyerlahkan citra universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Mereka ini merupakan tonggak dalam melahirkan pelajar holistik, menghasilkan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi, serta menyumbang kepakaran dalam kemajuan komuniti.

UMT akan terus memberikan sokongan yang optimum untuk memastikan bakat akademik yang ada dapat berkembang dan seterusnya memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat. Dengan memperkukuhkan kecemerlangan bakat akademik, UMT dapat memainkan peranan yang penting dalam mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.





KPI 1(a) : Peratus bakat akademik cemerlang (kumulatif)

2023	2024	2025	2026	2027
20%	25%	30%	35%	40%

KPI 1(b) : Peratus bakat akademik yang menjadi pakar rujuk dalam bidang tujahan (kumulatif)

2023	2024	2025	2026	2027
20%	25%	30%	35%	40%

INISIATIF

1. Menggubal Pelan Pengurusan Bakat Akademik berasaskan laluan kerjaya.
2. Melantik bakat akademik tersohor sebagai mentor dalam pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan serta pemindahan ilmu.
3. Melaksanakan program mobiliti pengajaran dan penyelidikan di universiti, agensi dan industri.
4. Melaksanakan program latihan berstruktur merangkumi pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan serta pemindahan ilmu.
5. Membudayakan inovasi baharu dalam pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan pemindahan ilmu.
6. Memperkukuhkan jaringan dan kolaborasi dengan agensi dan industri.
7. Memantapkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan.

OS 2 :

PENGUPAYAAN KAPASITI BAKAT PENTADBIR DAN SOKONGAN

Bakat pentadbir dan sokongan yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan memainkan peranan penting sebagai penggerak kejayaan pentadbiran universiti di mana perlu seiring dengan kecemerlangan bakat akademik. Justeru, UMT berazam untuk membangunkan bakat pentadbir dan sokongan yang cemerlang dan diiktiraf sebagai pakar rujuk (Subject Matter Experts).







KPI : Peratus bakat pentadbir dan sokongan cemerlang (kumulatif)

2023	2024	2025	2026	2027
10%	15%	20%	25%	30%

INISIATIF

1. Menggubal dan melaksanakan Pelan Pengurusan Bakat berasaskan kompetensi.
2. Mengoptimumkan kecekapan melalui peningkatan kemahiran berdasarkan kefungsian.
3. Melaksanakan program pementoran secara berstruktur.
4. Pembudayaan inovasi baharu dalam melaksanakan tugas.



OS 3 :

PEMUPUKAN BUDAYA KERJA SEJAHTERA

UMT amat prihatin dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam memastikan kesejahteraan warga dan memupuk budaya kerja yang sejahtera. Pemupukan budaya kerja sejahtera amat berkait rapat dengan kecekapan tadbir urus, ekosistem kerja yang kondusif dan penghayatan nilai-nilai teras. Menyedari hakikat kepentingan pembudayaan kerja yang sejahtera, maka UMT beriltizam untuk mewujudkan ekosistem kerja yang efektif dan harmoni melalui pengurusan sumber manusia yang cekap.





KPI : Peratus indeks kesejahteraan warga kampus

2023	2024	2025	2026	2027
80% bagi setiap indikator	80% bagi setiap indikator	80% bagi setiap indikator	80% bagi setiap indikator	80% bagi setiap indikator

INISIATIF

1. Penghayatan nilai-nilai teras UMT menerusi program kesedaran berkesan secara berkala dan berstruktur.
2. Mewujudkan, menambah baik dan melaksanakan persekitaran kerja yang sejahtera dan selamat.
3. Menambah baik sistem pengurusan prestasi, anugerah dan pengiktirafan.
4. Memantapkan pengurusan sumber manusia.






WARGA UM
CEMERLANG


MAJLIS
PENYAMPAIAN
HADIAH
Setia Bakti
UMT2021






UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT


UMT
MAJLIS PERUTUSAN KHAS
8ID-9 TROPIKA
RASA ARIL
UMT





TERAS 2

KECEMERLANGAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

TERAS 2
KECEMERLANGAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Kejayaan sesebuah universiti dalam melahirkan generasi berilmu dan berkualiti mampu direalisasikan melalui program akademik bermutu dan bertaraf antarabangsa. Proses melahirkan graduan yang mampu mencipta kerjaya perlu dilihat secara menyeluruh melibatkan pembangunan program akademik dan proses pembelajaran dan pengajaran berkualiti serta penawaran kursus-kursus yang boleh memberi nilai tambah kepada graduan.

Justeru, Teras Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran ini digarap dengan mengambil kira keperluan meningkatkan kualiti program akademik, mendigitalkan kandungan pembelajaran dan pengajaran, pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dan pemupukan minda keusahawanan dalam kalangan pelajar.











OS 1 :

MEWUJUDKAN PROGRAM AKADEMIK BERKUALITI

UMT beriltizam untuk menjadi sebuah universiti tersohor yang menawarkan program berkualiti menerusi penerapan inisiatif kurikulum bertaraf antarabangsa melalui penandaarasan dengan universiti terkemuka dunia. Oleh itu, semua program akademik UMT akan melalui proses transformasi secara berperingkat menerusi peningkatan kualiti kurikulum secara berterusan mengikut perubahan semasa dan masa hadapan yang dapat mengadaptasi perubahan persekitaran pembelajaran, tuntutan industri dan menjangkau keperluan di peringkat global.





KPI 1 : Bilangan penawaran program akademik dalam bidang tujahan secara *Dual Degree, Double Degree* atau *Joint Degree* (kumulatif)

2023	2024	2025	2026	2027
1	2	3	4	5

INISIATIF

1. Memantapkan aktiviti penjaminan kualiti program akademik dan memastikan kesediaan ekosistem pembelajaran dan pengajaran dari segi program, penyampaian dan infrastruktur.
2. Meningkatkan pengiktirafan badan profesional terhadap program akademik.
3. Meningkatkan kolaborasi dan kerjasama berkaitan pembelajaran dan pengajaran dengan universiti tersohor luar negara.



KPI 2 : Bilangan program akademik yang menerapkan inisiatif atau ciri-ciri kurikulum bertaraf antarabangsa (kumulatif)

2023	2024	2025	2026	2027
5	10	15	20	25

INISIATIF

1. Menanda aras program akademik UMT dengan universiti tersohor antarabangsa.
2. Mengukuhkan penerapan elemen Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dalam kurikulum.
3. Menawarkan program akademik berkonsepkan kurikulum lentur dan organik.
4. Melaksanakan program akademik menggunakan Kerangka Experiential Learning and Competency Based Education Landscape (EXCEL).
5. Menerapkan inisiatif untuk menjadikan program akademik bertaraf antarabangsa.



KPI 3 : Bilangan penawaran program akademik baharu dalam bidang tujahan yang mempunyai program minor keusahawanan (kumulatif)

2023	2024	2025	2026	2027
-	1	2	3	4

INISIATIF

1. Memperkenalkan kemahiran keusahawanan merentasi bidang.
2. Meningkatkan bilangan ahli akademik yang mempunyai tauliah dalam bidang keusahawanan.
3. Melaksanakan kolaborasi berimpak tinggi bersama industri dalam aktiviti keusahawanan pelajar.



OS 2 :

PENDIGITALAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Penularan Covid-19 pada tahun 2020 telah merubah landskap pendidikan di Malaysia khususnya institusi pengajian tinggi ke arah pendigitalan bagi memastikan kelangsungan proses pembelajaran dan pengajaran. Sejajar dengan ini, UMT telah menjadikan pendigitalan pembelajaran dan pengajaran sebagai salah satu agenda utama pelan strategik untuk lima tahun akan datang.

Pendigitalan pembelajaran dan pengajaran UMT meliputi pembangunan dan penawaran kursus secara digital kepada warga UMT, komuniti tempatan dan antarabangsa. Kesediaan UMT dalam melaksanakan pendigitalan ini dijangka mampu menarik pelajar antarabangsa menyambung pelajaran di UMT secara fleksibel mengikut kesesuaian.



KPI 1 : Mewujudkan UMT Life

2023	2024	2025	2026	2027
-	100%	-	-	-

KPI 2 : Bilangan penawaran program Sarjana Muda dan Sarjana secara digital sepenuhnya (kumulatif)

2023	2024	2025	2026	2027
4	6	8	10	12

KPI 3(a) : Bilangan penawaran kandungan digital pembelajaran dan pengajaran (kumulatif)

2023	2024	2025	2026	2027
30	35	40	45	50

KPI 3(b) : Peratus penawaran kandungan digital pembelajaran dan pengajaran (kumulatif) dalam bidang tujahan

2023	2024	2025	2026	2027
-	50%	60%	70%	80%

INISIATIF

1. Menubuhkan pusat tanggungjawab yang menguruskan UMT Life.
2. Meningkatkan pembangunan kandungan digital bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran.
3. Menawarkan kandungan digital dalam pembelajaran dan pengajaran kursus akademik sedia ada.
4. Menawarkan kursus UMTMOOC© sebagai kursus pembelajaran sepanjang hayat.
5. Menawarkan program Open Distance Learning (ODL) sebagai kursus pembelajaran sepanjang hayat.
6. Menjalankan aktiviti promosi yang berstrategik bagi meningkatkan penyertaan dalam kursus dan program digital.
















UMT MOOC
CLOUD COMPUTING
Fundamental
PREVIEW [INPUT 8]
PROGRAM [INPUT 8]
INPUT 1
INPUT 2
INPUT 3
INPUT 4
INPUT 5
INPUT 9
INPUT 10

OS 3 :

MEMPERKASA PENGEMBANGAN ILMU MELALUI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan pendemokrasian pendidikan yang merangkumi proses pengajian di universiti secara formal atau tidak formal dan bersifat lebih fleksibel berbanding pengajian secara konvensional. PSH membuka peluang kepada individu untuk meningkatkan kemahiran dan taraf pendidikan tanpa mengira batas masa dan tempat. PSH mengiktiraf dan menyetarakan pengalaman kerja seseorang individu dengan kursus-kursus berkaitan bagi tujuan penganugerahan ijazah.

Bagi memastikan matlamat PSH tercapai, UMT membuka ruang kepada komuniti dalam dan luar untuk meningkatkan kemahiran dan taraf pendidikan melalui penawaran program inovatif seperti kursus Micro-credential dan sijil Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (APEL).



KPI 1(a) : Bilangan penawaran kursus Micro-credential

2023	2024	2025	2026	2027
6	7	8	9	10

KPI 1(b) : Peratus penawaran kursus Micro-credential dalam bidang tujahan

2023	2024	2025	2026	2027
10%	20%	30%	40%	60%

KPI 2 : Bilangan peserta yang mengikuti kursus Micro-credential

2023	2024	2025	2026	2027
100	150	200	250	300

KPI 3 : Bilangan peserta luar yang mengikuti kursus PSH bersijil

2023	2024	2025	2026	2027
500	1,000	1,500	2,000	2,500

KPI 4 : Bilangan pelajar yang mengikuti pengajian dengan kelayakan APEL

2023	2024	2025	2026	2027
15	20	25	30	35

INISIATIF

1. Menawarkan kursus-kursus akademik sedia ada sebagai kursus Micro-credential.
2. Menggalakkan staf UMT dan pemain industri untuk menyumbang sebagai tenaga pengajar PSH.
3. Menjalankan aktiviti promosi yang berstrategik bagi menarik minat warga UMT dan komuniti untuk menyertai kursus PSH atau pengajian menerusi kelayakan APEL.
4. Mempermudah dan menyelaras proses permohonan kelayakan APEL dan kemasukan pelajar ke UMT.
5. Mewujudkan Pusat Penilaian APEL berpandukan kepada terma dan syarat MQA.






SYUHADA
KHALILAH



TERAS 3
PEMBANGUNAN PELAJAR

TERAS 3
PEMBANGUNAN PELAJAR



Aspirasi pengajian tinggi negara menuntut UMT menggembleng strategi ampuh untuk melahirkan graduan seimbang akademik dan sahsiah meliputi minda bestari serta personaliti kepimpinan unggul. Di samping itu, kebajikan dan kesejahteraan pelajar menjadi tumpuan utama dalam mewujudkan kehidupan kampus yang sejahtera dan harmoni. UMT turut mengiktiraf kepentingan alumni sebagai duta yang akan memperkasa dan menonjolkan keterlihatan universiti. Hubungan akrab di antara universiti dan alumni dapat membantu kelangsungan kecemerlangan universiti sama ada secara modal insan atau material. Oleh itu, Teras Pembangunan Pelajar dibangunkan melibatkan tiga aspirasi iaitu pembentukan pelajar berdaya saing, kecaknaan kepada kebajikan dan kesejahteraan pelajar serta pemantapan hubungan universiti dengan alumni.


UMT
MALAYSIA MADANI
Program Wacana Khas
"PEMERKASAAN MAHASISWA: APA DAN BAGAIMANA?"
29 Mac 2023 (Rabu)
2.00 Petang
Auditorium PSMZ
UMT
MPP UMT
MPP UMT

OS 1 :

MEMBENTUK PELAJAR BERDAYA SAING KE ARAH MELAHIRKAN NAKHODA MASA HADAPAN

Pembentukan pelajar berdaya saing memerlukan proses pembangunan diri secara holistik bermula dari awal hingga akhir pengajian. Pelbagai aktiviti dirancang untuk meningkatkan kemahiran insaniah, mencungkil potensi diri dan memupuk semangat kesukarelawanan serta patriotisme dalam kalangan pelajar. Oleh itu, UMT mensasarkan untuk melahirkan tokoh siswa peringkat kebangsaan, atlet bertaraf kebangsaan dan antarabangsa serta graduan yang memenuhi kehendak industri.








Terengganu
Malaysia
UMT
UMT

KPI 1 : Memenangi Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan

2023	2024	2025	2026	2027
2 Pelajar finalis	3 Pelajar finalis	1 Pelajar Juara Kategori	2 Pelajar Juara Kategori	1 Pelajar Tokoh Siswa Kebangsaan

KPI 2 : Bilangan pelajar yang mendapat anugerah (emas, perak, gangsa dan setara) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam aktiviti kokurikulum, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi

2023	2024	2025	2026	2027
150	200	250	300	350

KPI 3 : Bilangan pelajar terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan merangkumi kesejahteraan komuniti, alam sekitar dan kemanusiaan

2023	2024	2025	2026	2027
1,200	1,400	1,600	1,800	2,000

INISIATIF

1. Mewujudkan program berstruktur untuk menjadikan pelajar UMT memiliki ciri-ciri tokoh siswa kebangsaan.
2. Mewujudkan laluan khas kemasukan kepada atlet muda berpotensi.
3. Menyediakan insentif atau ganjaran kepada atlet yang berpotensi mewakili negeri atau negara.
4. Menggiatkan penyertaan pelajar dalam pertandingan peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
5. Menyediakan ruang dan sumber untuk misi kemanusiaan dan kesukarelawanan.
6. Memperkasakan aktiviti sukan dalam bidang tujahan.
7. Mewujudkan jawatankuasa dan modul khusus bagi melaksanakan program tambahan kepada pembangunan pelajar dalam pencapaian CLO dan PLO pelajar.



OS 2 :

MEWUJUDKAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN LESTARI

Ekosistem Keusahawanan Lestari yang bersinergi di antara kurikulum dan kokurikulum dibentuk bermatlamat untuk mentransformasi landskap keusahawanan di UMT selaras dengan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025. Pembentukan ekosistem ini merupakan langkah strategik dalam memupuk minda usahawan dalam kalangan graduan UMT. Pelbagai inisiatif akan dilaksanakan dalam menyokong matlamat ini antaranya seperti pengiktirafan kredit kepada aktiviti keusahawanan serta penawaran kursus keusahawanan bermula dari peringkat asas, lanjutan, kemahiran perniagaan dan perantis keusahawanan.



KPI 1 : Peratus kebolehpasaran graduan

2023	2024	2025	2026	2027
86.0%	86.5%	87.5%	88.5%	89.5%

KPI 2 : Peratus graduan yang menjadi usahawan atau bekerja sendiri

2023	2024	2025	2026	2027
9%	10%	11%	12%	13%

KPI 3 : Peratus pelajar yang melaksanakan perniagaan semasa pengajian

2023	2024	2025	2026	2027
21%	23%	24%	25%	26%

INISIATIF

1. Melaksanakan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan Kebangsaan 2021-2025.
2. Melaksanakan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025.
3. Memperkenalkan dasar *green lane* bagi perniagaan milik pelajar dan koperasi pelajar untuk memberi peluang pelajar menyediakan perkhidmatan kepada universiti.
4. Meningkatkan ruang perniagaan termasuk inkubator keusahawanan pelajar.
5. Mengiktiraf aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan oleh pelajar sebagai program kokurikulum berkredit.






FA BEAUTY
(USAHAWAN PELAJAR
DAN ALUMNI UMT)
DEMICA
NURUL ADILAH
BINTI LOOD
(USAHAWAN PELAJAR
DAN ALUMNI UMT)

OS 3 :

KECAKNAAN TERHADAP KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN PELAJAR

Kebajikan dan kesejahteraan pelajar menjadi agenda utama universiti dalam memupuk perpaduan dan keharmonian kampus. Justeru, UMT merangka objektif strategik ini sebagai bukti kecaknaan terhadap kebajikan pelajar dan meningkatkan kualiti kesejahteraan mereka baik dari segi fizikal dan mental. UMT merencana pelbagai inisiatif yang akan menyokong keperluan pelajar sama ada dalam bentuk kewangan, sokongan emosi, fizikal dan intelektual serta mewujudkan persekitaran dan kemudahan penempatan pelajar yang kondusif.





KPI : Peratus indeks kesejahteraan pelajar

2023	2024	2025	2026	2027
80%	80%	80%	80%	80%

INISIATIF

1. Membangunkan mekanisma pengukuran indeks kesejahteraan pelajar.
2. Menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar berkeperluan.
3. Menyediakan bantuan akibat bencana kepada pelajar.
4. Menguruskan kebajikan pelajar luar kampus dan orang kurang upaya (OKU).
5. Menganjurkan program kesejahteraan pelajar merangkumi keperluan emosi, fizikal dan intelektual.
6. Melaksanakan program keharmonian kampus bagi memupuk perpaduan dalam kalangan warga pelajar.
7. Mewujudkan persekitaran dan kemudahan kondusif di kolej kediaman.
8. Mewujudkan pusat sehenti aduan pelajar.

OS 4 :

MEMANTAPKAN HUBUNGAN UNIVERSITI-ALUMNI

Matlamat UMT untuk memperkasakan libat sama alumni dalam pembangunan dan perkembangan universiti berasaskan kasih dan sayang alumni kepada alma mater. Hubungan strategik yang kukuh antara alumni dan warga universiti dapat memberi manfaat kepada kecemerlangan universiti baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Justeru, UMT beriltizam untuk menggiatkan penglibatan alumni dalam program universiti, terutamanya untuk pembangunan pelajar melalui sumbangan tenaga, idea dan kewangan.





KPI 1 : Bilangan alumni yang terlibat dengan program universiti

2023	2024	2025	2026	2027
800	900	1,000	1,100	1,200

KPI 2 : Peratus peningkatan jumlah sumbangan diterima daripada alumni

2023	2024	2025	2026	2027
100%	100%	100%	100%	100%

INISIATIF

1. Mewujudkan Pelan Hala Tuju Alumni UMT 2023-2027.
2. Menggiatkan kerjasama Pusat Alumni dengan Persatuan Alumni UMT.
3. Mengutamakan penglibatan alumni bagi program di fakulti atau institut.
4. Meningkatkan kolaborasi alumni dalam program jaringan industri universiti.
5. Melaksanakan aktiviti penjanaan pendapatan bersama alumni.





TERAS 4

KEUNGGULAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

TERAS 4
KEUNGGULAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Reputasi UMT sebagai peneraju penyelidikan dan inovasi dalam bidang tujahan ilmu kelautan dan sumber akuatik semakin menyinar di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Penghasilan penyelidikan, penerbitan dan inovasi berkualiti oleh para ilmuwan menjadi matlamat bagi Teras Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi. Bagi melonjakkan penyelidikan dan inovasi, tiga objektif strategik telah dibangunkan iaitu lonjakan kualiti penyelidik dan penyelidikan, memacu inovasi, perundingan dan penjanaan pendapatan, serta kecemerlangan dan pengiktirafan institusi penyelidikan. Teras Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi ini akan mengangkat UMT menjadi sebuah universiti berfokus marin yang terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global.



OS 1 :

KECEMERLANGAN DAN PENGIKTIRAFAN INSTITUSI PENYELIDIKAN DALAM BIDANG TUJAHAN

Institusi penyelidikan memainkan peranan penting dalam merealisasikan hasrat universiti untuk menjadi rujukan dalam bidang tujahan. Oleh yang demikian, UMT akan sentiasa menaik taraf prasarana penyelidikan serta menggiatkan usaha untuk memastikan institusi penyelidikan mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



KPI 1 : Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) diiktiraf sebagai pusat rujukan negara dalam bidang kelautan

2023	2024	2025	2026	2027
-	20%	50%	-	100%

INISIATIF

1. Memperkasakan pangkalan data alami marin yang diiktiraf sebagai rujukan dan repositori negara dan diiktiraf oleh badan antarabangsa.
2. Membangunkan Marine Portal Database yang diiktiraf sebagai rujukan ilmu kelautan negara dan diiktiraf oleh badan antarabangsa.
3. Menjadi pakar rujuk dalam bidang tadbir urus hal ehwal kelautan (ocean governance) melalui peranan Pusat Tadbir Urus Lautan (COG) sebagai advokasi perantara kepada pihak kementerian dan pemegang taruh.
4. Membina citra keterlihatan kepakaran UMT dalam bidang kelautan di peringkat kebangsaan dan global melalui promosi media, sebaran bahan penerbitan korporat, *newsletter* dan juga di platform media sosial.

KPI 2 : Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) diiktiraf sebagai pusat rujukan negara dalam bidang perikanan dan krustasia

2023	2024	2025	2026	2027
-	50%	75%	-	100%

INISIATIF

1. Mendapat kelulusan sebagai Guangdong Provincial International Joint Research Centre (AKUATROP, UMT and Institute of Marine Biotechnology, STU).
2. Penubuhan Pusat Pengeluaran Benih Ketam Nipah di AKUATROP melalui dana Kementerian Kewangan.
3. Menjadi pakar rujuk dalam bidang perikanan dan krustasia peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
4. Membina citra keterlihatan global kepakaran UMT dalam bidang perikanan dan krustasia melalui promosi media, sebaran bahan penerbitan korporat, *newsletter* dan juga di platform media sosial.

KPI 3 : Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin (ICAMB) diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) Climate Change and Adaptation oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

2023	2024	2025	2026	2027
-	-	100%	-	-

INISIATIF

1. Menambahbaik dan melengkapkan fasiliti dan infrastruktur untuk kecemerlangan aktiviti penyelidikan.
2. Melantik penyelidik tersohor sebagai pakar rujuk bagi menggiatkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan dalam bidang Climate Change and Adaptation.
3. Menjalinkan hubungan kerjasama dan libat urus bersama agensi-agensi berkepentingan.


EXIT
UMT


WORKSHOP
CANDL
METHO

OS 2 :

LONJAKAN KUALITI PENYELIDIK DAN PENYELIDIKAN

Kualiti penyelidik akan memastikan kecemerlangan penyelidikan, manakala penyelidikan yang bermutu merupakan nadi keilmuwan dan menjadi indikator utama pengiktirafan sesebuah universiti. Bagi mencapai objektif strategik ini, UMT memberi tumpuan kepada penerbitan dalam bidang tujahan, sitasi terhadap artikel jurnal dan dana penyelidikan. Sitasi menjadi keutamaan kerana ia mencerminkan kualiti sesebuah penerbitan, manakala kemampuan untuk menyediakan dan memperoleh dana penyelidikan sama ada dari dalam atau luar negara adalah amat penting bagi menyokong kelangsungan penyelidikan berimpak tinggi.








UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT

KPI 1 : Nisbah sitasi per artikel jurnal


2023	2024	2025	2026	2027
5.8	6.6	7.5	8.5	9.5

KPI 2 : Peratus penerbitan artikel jurnal terindeks dalam bidang tujahan Sumber Akuatik


2023	2024	2025	2026	2027
28%	29%	30%	31%	32%

KPI 3 : Peratus penerbitan artikel jurnal terindeks dalam bidang tujahan Ilmu Kelautan

2023	2024	2025	2026	2027
12%	14%	16%	18%	20%









KPI 4 : Jumlah terimaan geran penyelidikan sumber Kerajaan


2023	2024	2025	2026	2027
RM14.0 juta	RM15.0 juta	RM16.0 juta	RM17.0 juta	RM18.0 juta

KPI 5 : Jumlah terimaan geran penyelidikan sumber swasta

2023	2024	2025	2026	2027
RM1.50 juta	RM1.75 juta	RM2.00 juta	RM2.25 juta	RM2.50 juta

KPI 6 : Jumlah terimaan geran penyelidikan sumber antarabangsa

2023	2024	2025	2026	2027
RM2.00 juta	RM2.25 juta	RM2.50 juta	RM2.75 juta	RM3.00 juta





INISIATIF

1. Mewujudkan program pementoran dan strategi penerbitan kepada pensyarah.
2. Menyediakan insentif penerbitan artikel jurnal terindeks Q1/Q2 (WoS dan SCOPUS) terutama dalam bidang tujahan.
3. Meningkatkan penerbitan dalam bentuk *Review Paper.*
4. Menggalakkan jaringan kolaborasi penyelidikan bersama penyelidik tersohor dalam dan luar negara.
5. Meningkatkan pengambilan pelajar pasca siswazah dan pasca kedoktoran.
6. Menyediakan dana khas dalaman untuk penyelidikan berimpak tinggi.
7. Mempelbagaikan kaedah perolehan geran penyelidikan.



OS 3 :

MEMACU INOVASI, PERUNDINGAN DAN PENJANAAN PENDAPATAN

Penyelidikan berkualiti berpotensi untuk menjadi inovasi yang boleh dimanfaatkan oleh universiti, komuniti serta industri di dalam dan luar negara. Produk inovasi yang terhasil menjadi pemangkin kepada aktiviti pengkomersialan. Di samping itu, anak syarikat turut memainkan peranan dalam merancakkan aktiviti perundingan. Kedua-dua aktiviti ini akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan Universiti.





KPI 1 : Bilangan harta intelek yang berjaya dikomersialkan tahun semasa

2023	2024	2025	2026	2027
5	6	6	7	7

KPI 2 : Jumlah pendapatan kasar hasil pengkomersialan harta intelek setahun

2023	2024	2025	2026	2027
RM0.50 juta	RM0.60 juta	RM0.70 juta	RM0.80 juta	RM1.00 juta

KPI 3 : Jumlah terimaan nilai projek perundingan tahun semasa

2023	2024	2025	2026	2027
RM1.50 juta	RM1.70 juta	RM1.90 juta	RM2.10 juta	RM2.30 juta

KPI 4 : Jumlah pendapatan kasar syarikat pemula (start-up) tahun semasa

2023	2024	2025	2026	2027
RM1.00 juta	RM1.10 juta	RM1.20 juta	RM1.30 juta	RM1.40 juta

INISIATIF

1. Menyediakan dana khas dalaman untuk pendaftaran harta intelek, paten dan penubuhan syarikat pemula.
2. Mewujudkan program *mentoring* dan latihan berstruktur berkaitan aktiviti pengkomersialan, perundingan dan pengurusan syarikat pemula kepada pensyarah.
3. Mempromosikan harta intelek berpotensi melalui aktiviti *pitching* bersama industri, hebahan dalam media sosial dan lain-lain platform.
4. Mewujudkan hubungan strategik dengan pihak berkepentingan untuk meningkatkan aktiviti pengkomersialan, perundingan dan kelestarian syarikat pemula.
5. Mempelbagaikan bidang perundingan yang berdaftar dengan MOF oleh anak syarikat UMT relevan dengan kepakaran penyelidik.




TAL KIT
RAPID ENDOTOXIN DETECTION KIT
100 reactions
TAL KIT
RAPID ENDOTOXIN DETECTION KIT
TAL KIT
(Rapid Endotoxin Detection Kit)
TARGET MARKET
Pharmaceutical industries


R-38
Capsule
TRADITIONAL HERBAL





TERAS 5

MEMACU PEMINDAHAN ILMU DAN JARINGAN INDUSTRI

TERAS 5
MEMACU PEMINDAHAN ILMU DAN JARINGAN INDUSTRI

Hasil penyelidikan terutamanya dalam bidang tujahan seharusnya dimanfaatkan melalui program pemindahan ilmu dengan matlamat untuk meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti dan perkembangan inovasi industri. Kecaknaan UMT terhadap komuniti juga diterjemahkan melalui penganjuran program tanggungjawab sosial universiti (USR) yang melibatkan staf, pelajar, rakan agensi dan industri. Oleh yang demikian, Teras ini memfokuskan kepada pelaksanaan program pemindahan ilmu berimpak tinggi, memperkasakan program tanggungjawab sosial dengan penglibatan menyeluruh warga universiti dan melonjakkan kolaborasi industri-akademia.



OS 1 :

MEMPERKASAKAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU BERIMPAK

UMT melaksanakan program berkonsepkan pemindahan ilmu membabitkan perkongsian kepakaran penyelidiknya bagi mempertingkatkan taraf sosioekonomi komuniti dengan penglibatan industri. Bagi merealisasikan matlamat pemerkasaan program pemindahan ilmu, dua komponen utama akan diberi perhatian iaitu bilangan pelaksanaan projek pemindahan ilmu baharu dan bilangan penerbitan hasil program pemindahan ilmu. Program pemindahan ilmu giat dilaksanakan oleh UMT untuk memastikan ia kekal relevan kepada komuniti melalui penglibatan aktif agensi dan industri.





KPI 1 : Bilangan projek pemindahan ilmu baharu dalam bidang tujahan dan bukan bidang tujahan yang berimpak

	2023	2024	2025	2026	2027
Bidang tujahan	10	15	18	20	25
Bukan bidang tujahan	5	5	7	10	10

KPI 2 : Bilangan komuniti/industri terlibat dalam program pemindahan ilmu dalam bidang tujahan dan bukan bidang tujahan

	2023	2024	2025	2026	2027
Bidang tujahan	40	60	72	80	100
Bukan bidang tujahan	20	20	28	40	40

KPI 3 : Bilangan penerbitan hasil projek pemindahan ilmu geran dalaman

2023	2024	2025	2026	2027
1 penerbitan per projek	1 penerbitan per projek	1 penerbitan per projek	1 penerbitan per projek	1 penerbitan per projek

INISIATIF

1. Mengenal pasti dan mengetengahkan projek-projek penyelidikan berdaftar sedia ada yang sesuai untuk dijadikan Projek Pemindahan Ilmu berdasarkan bidang tujahan dan bukan bidang tujahan.
2. Mempelbagaikan platform/kaedah penerbitan hasil projek pemindahan ilmu untuk rujukan komuniti.
3. Memperluaskan kolaborasi projek pemindahan ilmu bersama agensi/industri/komuniti dalam dan luar negara.
4. Menganjurkan seminar pemindahan ilmu.
5. Meningkatkan jumlah komuniti tertumpu dalam setiap projek pemindahan ilmu.
6. Menganjurkan majlis apresiasi program pemindahan ilmu.



OS 2 :

MEMPERKASAKAN PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL DENGAN PENGLIBATAN MENYELURUH WARGA UNIVERSITI

Program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) merupakan program kemasyarakatan dan kesukarelawan bagi mendekatkan hubungan UMT-komuniti. Program yang dijalankan memberi peluang kepada warga UMT untuk memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan kepada komuniti.





KPI 1 : Bilangan program tanggungjawab sosial universiti (USR)

2023	2024	2025	2026	2027
50	60	70	80	90

KPI 2 : Bilangan komuniti atau industri terlibat dengan program USR

2023	2024	2025	2026	2027
250 komuniti/ industri	275 komuniti/ industri	300 komuniti/ industri	325 komuniti/ industri	350 komuniti/ industri

KPI 3 : Peratus staf akademik terlibat dengan program USR

2023	2024	2025	2026	2027
20%	20%	20%	20%	20%

KPI 4 : Peratus staf sokongan akademik terlibat dengan program USR

2023	2024	2025	2026	2027
10%	10%	10%	10%	10%

INISIATIF

1. Mempergiatkan libat sama komuniti/industri dalam program USR melalui penerapan budaya kesukarelawanan.

2. Melebar luas program USR ke peringkat antarabangsa.

3. Mewujudkan anugerah bagi mengiktiraf sumbangan dan penglibatan akademik dan sokongan akademik dalam program USR.



OS 3 :

MELONJAKKAN KOLABORASI INDUSTRI-AKADEMIA DENGAN MELAKSANAKAN PROGRAM YANG MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI

UMT giat melaksanakan kolaborasi industri-akademia selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dengan penganjuran program-program kerjasama yang lebih erat dan memberikan impak positif kepada kedua-dua pihak. Melalui kolaborasi ini semua pihak secara menang-menang dapat meraih manfaat melalui akses kepada ekosistem penyelidikan dan inovasi, sumber teknologi dan pengetahuan serta meningkatkan kesediaan graduan menghadapi alam pekerjaan.





KPI 1 : Bilangan jaringan industri baharu

2023	2024	2025	2026	2027
50	60	70	80	90

KPI 2 : Bilangan program kolaborasi bersama rakan industri

2023	2024	2025	2026	2027
Fakulti : 1 program kolaborasi bagi setiap program ijazah sarjana muda	**Fakulti :** 1 program kolaborasi bagi setiap program ijazah sarjana muda	**Fakulti :** 1 program kolaborasi bagi setiap program ijazah sarjana muda	**Fakulti :** 1 program kolaborasi bagi setiap program ijazah sarjana muda	**Fakulti :** 1 program kolaborasi bagi setiap program ijazah sarjana muda
Institut : 1 program kolaborasi bagi setiap institut	**Institut :** 1 program kolaborasi bagi setiap institut	**Institut :** 1 program kolaborasi bagi setiap institut	**Institut :** 1 program kolaborasi bagi setiap institut	**Institut :** 1 program kolaborasi bagi setiap institut

INISIATIF

1. Mewujudkan pelbagai anugerah bagi mengiktiraf industri yang aktif menjalankan program kolaborasi.
2. Memperluas jaringan strategik bersama industri dalam dan luar negara.


CIAL MOU SIGNING CE
MINISTRY OF TRANSPO
INTERN
SPACE E
UMT
@OfficialUMT

MOU/MOA LINKAGES (INTERNATIONAL)



UNITED STATES
- EAST CAROLINA UNIVERSITY

CANADA
- UNIVERSITY OF SASKATCHEWAN

UZBEKISTAN
- NATIONAL UNIVERSITY OF UZBEKISTAN

UNITED
- UNIVERSITY OF STF
- UNIVERSITY OF STI
- UNIVERSITY OF EA
- SOLENT UNIVERSIT

FRANCE
- UNIVERSITE D'EVRY VAL D'ESSONNE
- UNIVERSITY OF SOUTH BRITTANY

GERMANY
- KIEL UNIVERSITY

BELGIUM
- THE UNIVERSITE LIBRE DE BRUXELLES
- GHENT UNIVERSITY

CHINA
- OCEAN UNIVERSITY OF CHINA
- CHONGQING PERHAM EDUCATION CONSULTING CO.LTD.
- SHANTOU UNIVERSITY
- NATIONAL MARINE DATA AND INFORMATION SERVICE
- TONJI UNIVERSITY
- THE FIRST INSTITUTE OF OCEANOGRAPHY
- HENAN AGRICULTURAL UNIVERSITY
- GUANGDONG INSTITUTE OF APPLIED BIOLOGICAL RECOUCES
- NATIONAL OCEANOGRAPHY CENTRE, A COMPONENT INSTITUTE OF UK RESEACRH & INNOVATION
- INSTITUTE OF GEOCHEMISTRY, CHINESE ACADEMIC OF SCIENCE
- TIANJIN UNIVERSITY OF SCIENCE AND TECHNOLOGY
- THIRD INSTITUTE OF OCEANOGRAPHY (TIO)
- HENAN MINGBO NEW ENERGY TECHNOLOGY CO. LTD
- GUANGDONG OCEAN UNIVERSITY OF CHINA
- CHINA OCEANIC DEVELOPMENT FOUNDATION
- SHANDONG JIAOTONG UNIVERSITY (SDJTU), DALIAN OCEAN UNIVERSITY
- OCEAN ENVIRONMENT SCIENCE AND TECHNOLOGY CO. LTD.
- FUJIAN INSTITUTE FOR SUSTAINABLE OCEANS, XIAMEN UNIVERSITY

INDIA
- MIZORAM UNIVERSITY
- SRI PADMAVATI MAHILA VISVAVIDYALAYAM (WOMAN UNIVERSITY)


CALIFORNIA
- SERVICE AGREEMENT-WATTIME

INDONESIA
- UNIVERSITAS HASANUDDIN
- UNIVERSITAS AIRLANGGA
- UNIVERSITAS BRAWIJAYA
- INSTITUT TEKNOLOGI SEPULUH NOPEMBER
- BUNG HATTA UNIVERSITY
- UNIVERSITAS TRISAKTI
- UNIVERSITAS MALIKUSALEH
- UNIVERSITAS TEUKU UMAR
- UNIVERSITAS TELKOM
- BOGOR AGRICULTURAL UNIVERSITY
- LEMBAGA PENGEMBANGAN PENDIDIKAN NUSA TENGGARA BARAT
- UNIVERSITAS SYIAH KUALA, INDONESIA
- UNIVERSITAS SRIWIJAYA
- UNIVERSITAS MERCU BUANA
- UNIVERSITAS MALANG
- UNIVERSITAS DIPONEGORO
- UNIVERSITAS IBN SINA
- UNIVERSITAS MUHAMMADIAH TASIKMALAYA
- BINUS UNIVERSITY
- UNIVERSITAS PADJADJARAN
- INSTITUT TEKNOLOGI BANDUNG
- UNIVERSITAS PAMULANG
- RESEARCH INSTITUTE BREAKISH WATER
- UNIVERSITAS JEMBER
- UNIVERSITAS PAKUAN, BOGOR
- UNIVERSITAS AHMAD DAHLAN
- INSTITUT KALBIS

QATAR
- QATAR UNIVERSITY

SINGA
- INTERNATIONA
- NATIONAL UNI

BANGLADESH
- THE CORAL TRIANGLE INITIATIVE ON CORAL REEFS, FISHERIES AND FOOD SECURITY (CTI-CFF)
- CHITTAGONG VETERINARY AND ANIMAL SCIENCES UNIVERSITY
- DAFFODIL INTERNATIONAL UNIVERSITY



KINGDOM
RATHCLYDE GLASGOW
RLING
ST ANGLIA
Y

TÜRKIYE
- TOKAT GAZIOSMANPASA UNIVERSITY

SCOTLAND
- UNIVERSITY OF STRATHCLCDE GLASGOW
- SCOTLAND'S RURAL COLLEGE

ITALY
- UNIVERSITY OF PALERMO

PHILIPPINES
- THE UNIVERSITY OF PHILIPPINES
- UNIVERSITY OF SAN AGUSTIN

SOUTH KOREA
- INCHEON NATIONAL UNIVERSITY
- DONGGUK UNIVERSITY GYEONGJU
- BUSAN TECHNO PARK POLICY PLANNING AGENCY
- KOREA MARINE EQUIPMENT RESEARCH INSTITUTE
- UNIVERSITY OF SEOUL
- SAMWOO IMMERSION CO. LTD.
- MOKPO NATIONAL MARITIME UNIVERSITY
- KOMERI
- UNIVERSITY OF SEOUL

JAPAN
- KAGOSHIMA UNIVERSITY
- UNIVERSITI OF TSUKUBA
- HOKKAIDO UNIVERSITY
- NAGASAKI UNIVERSITY
- NATIONAL UNIVERSITY OF TECHNOLOGY, SENDAI COLLEGE
- MIE UNIVERSITY
- UNIVERSITY OF TSUKUBA
- SHIBAURA INSTITUTE OF TECHNOLOGY (SIT)

THAILAND
- KASETSART UNIVERSITY
- PRINCE SONGKLA UNIVERSITY
- CHIANG MAI UNIVERSITY
- MAHASARAKHAM UNIVERSITY

VIETNAM
- CAN THO UNIVERSITY
- ECONOMY AND ENVIRONMENT PARTNERSHIP FOR SOUTHEAST ASIA

TAIWAN
- NATIONAL MUSEUM OF MARINE BIOLOGY AND AQUARIUM, TAIWAN
- NATIONAL TAIWAN OCEAN UNIVERSITY
- NATIONAL SUN YAT-SEN UNIVERSITY
- NATIONAL KOAHSIUNG OF SCIENCE AND TECHNOLOGY UNIVERSITY

APORE
AL SEAKEEPERS SOCIETY
VERSITY OF SINGAPORE


AUSTRALIA
- GRIFFITH UNIVERSITY

ROMANIA
- ALEXANDRU IOAN CUZA UNIVERSITY OF IASI
- GHEORGHE ASACHI TECHNICAL UNIVERSITY OF IASI ROMANIA
- ROMANIAN INVENTORS FORUM

TERAS 6
KETERLIHATAN GLOBAL

TERAS 6
KETERLIHATAN GLOBAL

UMT beriltizam untuk meningkatkan kualiti dan prestasi secara konsisten dalam pembelajaran, penyelidikan dan pemindahan ilmu dengan matlamat untuk menjadi institusi pengajian tinggi yang dihormati dan disegani di peringkat global. Matlamat ini boleh dicapai melalui Teras Keterlihatan Global yang dirangka merangkumi penglibatan staf dan pelajar antarabangsa, pelaksanaan program mobiliti rentas negara dan pemerkasaan jaringan bersama organisasi dan universiti tersohor di serata dunia.



OS 1 :

MENJADIKAN UNIVERSITI SEBAGAI INSTITUSI BERTARAF GLOBAL

Kehadiran pelajar dan staf antarabangsa menunjukkan pengiktirafan komuniti global terhadap kualiti pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan di UMT. UMT akan memastikan kurikulum dan penyampaian program akademik sesuai untuk diikuti oleh pelajar antarabangsa. Penglibatan penyelidik tersohor antarabangsa juga menjadi pemangkin kepada keterlihatan hasil penyelidikan UMT di persada dunia. Justeru, UMT akan terus menambahbaik sistem penyampaian dan fasiliti meliputi prosedur pengambilan, kemudahan penyelidikan dan penginapan serta memperhebat aktiviti promosi secara terancang.





KPI 1(a) : Bilangan pelajar antarabangsa

2023	2024	2025	2026	2027
800	850	900	950	1,000

KPI 1(b) : Peratus pelajar antarabangsa dalam bidang tujahan

2023	2024	2025	2026	2027
20%	25%	30%	35%	40%

KPI 2 : Peratus bakat akademik antarabangsa sepenuh masa

2023	2024	2025	2026	2027
10%	10%	10%	10%	10%

KPI 3 : Peratus bakat akademik antarabangsa sangkutan

2023	2024	2025	2026	2027
20%	20%	20%	20%	20%

INISIATIF

1. Menggalakkan pelaksanaan program mobiliti yang melebihi satu semester.
2. Melantik wakil alumni di setiap negara sebagai ejen merekrut pelajar antarabangsa.
3. Mewujudkan biasiswa untuk pelajar antarabangsa terpilih.
4. Meningkatkan peruntukan geran penyelidikan khusus untuk pelajar siswazah antarabangsa dan bakat akademik antarabangsa tersohor.
5. Merekrut graduan cemerlang antarabangsa dari Universiti Penyelidikan kebangsaan untuk menjadi staf UMT.
6. Melantik profesor pelawat bagi setiap program akademik menerusi kolaborasi dan jaringan bersama universiti tersohor.
7. Promosi bersasar kepada negara yang berpotensi.
8. Pengantarabangsaan program akademik.
9. Penyediaan penginapan dan fasiliti bagi menampung kemasukan pelajar antarabangsa.



OS 2 :

MEMANTAPKAN PROGRAM MOBILITI GLOBAL

Program mobiliti global merupakan suatu usaha untuk memberi pendedahan antarabangsa kepada pelajar UMT. Ia dilaksanakan secara dua hala bagi mengasah kemahiran, pengalaman dan daya saing pelajar. Oleh itu, program mobiliti global yang digarap ini dapat memperkaya jaringan kerjasama antarabangsa UMT seterusnya melonjakkan citra UMT di persada dunia. Bagi merealisasikan matlamat ini, UMT akan mempertingkat usaha untuk menarik pelajar-pelajar antarabangsa mengikuti program mobiliti global yang lebih inovatif berdasarkan bidang tujahan serta meningkatkan keupayaan untuk menghantar lebih ramai pelajar UMT menyertai program mobiliti di luar negara.



KPI 1 : Bilangan pelajar antarabangsa yang mengikuti program mobiliti *inbound*

2023	2024	2025	2026	2027
500	600	700	800	900

KPI 2 : Bilangan pelajar UMT yang mengikuti program mobiliti *outbound*

2023	2024	2025	2026	2027
500	600	700	800	900

INISIATIF

1. Memperkasakan program pertukaran pelajar melibatkan semua peringkat pengajian.
2. Menjalankan kerjasama dengan wakil alumni di setiap negara untuk melaksanakan program mobiliti.
3. Merekabentuk dan melaksanakan program mobiliti berstruktur secara hibrid bersama universiti antarabangsa yang melibatkan semua peringkat pengajian di UMT.
4. Menjadikan program mobiliti berkredit sebagai aktiviti yang disenaraikan secara khusus dalam dokumen MoU/MoA bersama universiti antarabangsa yang lain.

OS 3 :
MEMPERKASA JARINGAN GLOBAL

Jaringan dan jalinan kerjasama antarabangsa bersama industri, organisasi dan universiti terkemuka menjadi agenda utama untuk menonjolkan UMT di persada global. Pelbagai aktiviti kolaborasi dirangka sebagai pemangkin untuk memperluaskan interaksi, pengalaman dan pendedahan kepada warga UMT. Objektif strategik ini akan memberi manfaat dalam membangun dan memperkasa aktiviti pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi, pemindahan ilmu serta memposisikan UMT di peringkat antarabangsa.



KPI 1 : Bilangan aktiviti bersama institusi/universiti antarabangsa dalam bidang tujahan

2023	2024	2025	2026	2027
50	55	60	65	70

KPI 2(a) : Bilangan institusi/universiti antarabangsa dalam bidang tujahan yang berjaya dikolaborasi

2023	2024	2025	2026	2027
50	55	60	65	70

KPI 2(b) : Bilangan institusi/universiti antarabangsa terkemuka dalam bidang tujahan yang berjaya dikolaborasi

2023	2024	2025	2026	2027
15	20	25	30	35

INISIATIF

1. Merealisasikan aktiviti yang dimeterai di dalam MoU/MoA bersama institusi/universiti antarabangsa.
2. Menggiatkan kolaborasi pembelajaran-pengajaran dan penyelidikan bersama institusi/universiti antarabangsa.
3. Membentuk dan memperkasakan kolaborasi bersama kedutaan luar negara.



STESEN PENYELIDIKAN ALAMI PENYU UMT CHAGAR HUTANG, PULAU REDANG



TERAS 7

KELESTARIAN DAN PENDIGITALAN KAMPUS

TERAS 7
KELESTARIAN DAN PENDIGITALAN KAMPUS

UMT terus komited untuk memastikan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals- SDGs) direalisasi dan dilaksanakan dengan sempurna berasaskan acuan universiti. Menyedari kepentingan SDGs, kelestarian dan pendigitalan kampus telah dijadikan salah satu teras PSUMT 2023-2027 untuk memacu kecemerlangan universiti ke hadapan bersama dengan pemegang taruh tanpa meminggirkan kepentingan sumber dan alam sekitar.

Kelestarian dan pendigitalan kampus mencakupi tiga agenda utama iaitu kemampanan kewangan, pembangunan lestari dan pendigitalan kampus. Kemampanan kewangan universiti penting dalam memastikan pendidikan berkualiti terus dijaga berserta pelaksanaan program berkaitan kelestarian tidak terjejas, dan pada masa yang sama agenda strategik UMT dapat direalisasikan. Menyedari hakikat kenaikan kos operasi saban tahun dan kekangan kewangan serta kebergantungan tinggi kepada dana kerajaan, UMT perlu menguruskan perbelanjaan dengan berhemah dan mengoptimumkan sumber pendapatan lain.

Pembangunan lestari atau mesra alam diutamakan di dalam PSUMT 2023-2027 bagi memastikan wujud amalan tingkah laku, pemuliharaan dan penggunaan tenaga secara lestari dalam operasi pembangunan universiti dalam kalangan warga UMT. Pelaksanaan agenda strategi ini dijangka memberikan kesan positif kepada kelestarian sumber dan alam sekitar sebagai usaha UMT untuk mewujudkan dunia yang lebih mampan untuk generasi akan datang.



OS 1 :
KEMAMPANAN KEWANGAN

Kemampanan kewangan merupakan tunjang dalam tadbir urus universiti. Teras ini memberi tumpuan kepada kepelbagaian sumber penjanaan dan pengurusan perbelanjaan yang efektif dan efisen bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Objektif strategik ini penting dalam memastikan kelangsungan operasi universiti dalam penyampaian perkhidmatan. Penjanaan pendapatan universiti dapat dilaksanakan melalui kepelbagaian sumber penjanaan dan pengoptimuman hasil daripada pengkomersialan aset universiti, harta intelek dan pengukuhan anak syarikat. Perbelanjaan juga perlu diurus dengan cekap dan berhemah tanpa menjejaskan kualiti penyampaian.



KPI 1 : Peratus penjanaan pendapatan

2023	2024	2025	2026	2027
17%	17%	18%	19%	20%

KPI 2 : Peratus penjimatan perbelanjaan utiliti universiti

2023	2024	2025	2026	2027
3%	3%	4%	4%	4%

INISIATIF

1. Meningkatkan sumber penjanaan melalui pengkomersialan harta intelek dan aset universiti.
2. Menstrukturkan semula yuran pengajian pascasiswazah dan pelajar antarabangsa.
3. Menjana pendapatan melalui program pembelajaran sepanjang hayat (PSH).
4. Meningkatkan perolehan dana zakat, endowmen dan wakaf.
5. Memperkasakan peranan Seksyen Penjanaan Pendapatan Universiti (i-Create) dalam menjana pendapatan universiti.
6. Menggiatkan usaha penjanaan pendapatan menerusi anak syarikat.
7. Meningkatkan penjimatan perbelanjaan utiliti melalui penggunaan tenaga dan air secara lestari serta tenaga boleh diperbaharui.
8. Membudayakan penggunaan tenaga dan air secara lestari dalam kalangan warga universiti.


MAJLIS
BERBUKA PUASA
MALAYSIA MADANI
PERDANA MENTERI
BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD
SUMBANGAN ZAKAT
RM30,000.00
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
SERAHAN WAKALAH ZAKAT
RM266,411.41
etiqa
ETIQA FAMILY TAKAFUL BERHAD
SUMBANGAN ZAKAT
RM432,900.00
RHB BANK
SUMBANGAN ZAKAT
RM10,000.00
KOSISWA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
SUMBANGAN ZAKAT
RM10,000.00
MAYBANK ISLAMIC BERHAD
SUMBANGAN ZAKAT
RM180,000.00


YAYASAN
BANTUAN
AWAL PENGAJIAN 2022
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
RM 100,000.00

OS 2 :
PENDIGITALAN KAMPUS

Objektif strategik pendigitalan kampus digarap bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penyampaian yang inklusif serta bersepadu seiring dengan kemajuan teknologi pintar. Pendigitalan kampus membolehkan pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan dapat dilaksanakan tanpa sempadan, lebih fleksibel dan kos yang lebih efektif. Melalui objektif strategik ini, UMT dapat mewujudkan perpustakaan digital yang berupaya menyokong persekitaran pembelajaran yang lebih menarik, inovatif dan mesra pengguna. Ia merangkumi penyediaan ruang pembelajaran dan pengajaran melalui penggunaan teknologi terkini yang berasaskan *Internet Of Things* (iOT) terhadap perkakasan, sistem, aplikasi perisian mudah alih dan pembangunan ruang kolaboratif serta pemantapan sumber rujukan intelektual universiti.

Dalam merealisasikan persekitaran kampus digital, UMT telah meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan digital yang holistik melalui infrastruktur dan infostruktur ICT yang komprehensif dan selamat. Pelbagai inisiatif dilaksanakan iaitu penggunaan teknologi dan trend terkini terhadap perkakasan dan perisian, pembangunan sistem dan aplikasi mudah alih, pemantapan keselamatan siber serta pembangunan perpustakaan pintar yang menyokong gaya hidup digital bagi warga UMT.

Pendigitalan kampus turut diperkasakan kefungsiannya dalam menyokong pengurusan dan tadbir urus yang lebih produktif. Aspek pengurusan data universiti diteruskan sebagai sokongan kepada perancangan dan keputusan universiti. Sumber kepakaran teknikal akan terus diberi latihan untuk mempertingkatkan kemahiran selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Ini merupakan usaha untuk mewujudkan ekosistem kondusif dalam menghasilkan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan sekali gus mewujudkan budaya kerja yang dipacu oleh digital.

KPI 1 : Pembangunan sistem untuk menyokong pengurusan dan penawaran program pembelajaran dan pengajaran dalam talian

2023	2024	2025	2026	2027
10% Pembangunan sistem atas talian lengkap	60% Pembangunan sistem atas talian lengkap	100% Pembangunan sistem atas talian lengkap sepenuhnya	-	-

KPI 2 : Penaiktarafan infrastruktur rangkaian tanpa wayar (Wireless Networking) di Zon Kolej Kediaman dan Zon Akademik dengan teknologi terkini

2023	2024	2025	2026	2027
-	100% Penaiktarafan infrastruktur rangkaian tanpa wayar Zon Kolej Kediaman	-	-	100% Penaiktarafan infrastruktur rangkaian tanpa wayar Zon Akademik

KPI 3 : Pembangunan sistem/modul aplikasi berasaskan web

2023	2024	2025	2026	2027
8	8	8	8	8

KPI 4 : Pembangunan modul aplikasi berasaskan aplikasi mudah alih

2023	2024	2025	2026	2027
5	5	5	5	5

INISIATIF

1. Mewujudkan pasukan khas untuk membangunkan sistem yang menyokong pengurusan dan penawaran program pembelajaran dan pengajaran dalam talian.
2. Menaik taraf perkakasan rangkaian tanpa wayar secara berfasa di Zon Kolej Kediaman dan Zon Akademik dengan teknologi terkini.
3. Membangunkan aplikasi mudah alih.
4. Membangunkan sistem yang memenuhi keperluan universiti.
5. Membangunkan rangka kerja dan garis panduan kualiti perisian.
6. Meningkatkan penggunaan aplikasi mudah alih dalam kalangan warga UMT.

KPI 5 : Pembangunan perpustakaan pintar (smart library)

a) Pemantapan sumber digital bidang tujahan

2023	2024	2025	2026	2027
20%	40%	60%	80%	100%

b) Pembangunan ruang dan aplikasi berteraskan IoT (smart place & smart apps)

2023	2024	2025	2026	2027
Book Cafe	E-Sport Room & Maker Space	Info Access Management (SSO & Discovery Tool)	Galeri Arkib Digital	IoT (Smart Place & Smart Apps)

INISIATIF

1. Meningkatkan koleksi bidang tujahan.
2. Membangunkan kemudahan fizikal berorientasikan IoT.
3. Mewujudkan akses maklumat bersepadu.

OS 3 :
KELESTARIAN KAMPUS

Kelestarian kampus adalah sangat penting dalam memastikan universiti dapat terus berfungsi dengan cekap dan berkesan dalam tempoh yang panjang. Kampus yang lestari bukan sekadar dapat menyediakan persekitaran yang selamat, selesa dan kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran. Ia juga dapat membantu universiti mengurangkan impak terhadap alam sekitar dan dapat mengurangkan kos operasi universiti. Di samping itu, kampus yang lestari mampu menampilkan imej yang baik kepada universiti, memberikan impak positif kepada warga dan masyarakat sekeliling. Ini secara tidak langsung membantu mempromosikan kampus UMT dan dapat menarik lebih ramai pelajar dan penyelidik untuk datang ke UMT. Oleh itu, objektif strategik kelestarian kampus dibentuk bagi memastikan UMT sebagai institusi ilmu yang berupaya menyediakan ekosistem persekitaran yang baik serta kemudahan dan fasiliti yang kondusif demi kesejahteraan warganya.



KPI : Pencapaian dalam penarafan UI GreenMetric University Rankings

2023	2024	2025	2026	2027
Top 150	Top 130	Top 100	Top 80	Top 50

KPI 2 : Pencapaian dalam penarafan THE Impact Rankings

2023	2024	2025	2026	2027
401-600	401-600	301-400	301-400	201-300

INISIATIF

1. Mewujudkan fasiliti mesra alam.
2. Pemuliharaan sumber semula jadi dan penggunaan secara lestari.
3. Mengamalkan perolehan secara lestari.
4. Menggalakkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui.
5. Menggalakkan inovasi bagi pengurusan sisa secara lestari.
6. Menambah baik polisi yang berkaitan dengan kelestarian kampus.
7. Meningkatkan kesedaran warga melalui kempen-kempen melestarikan alam sekitar.



#I STEM
I STEM
JOM PILIH UMT



TERAS 8
PEMANTAPAN CITRA

TERAS 8
PEMANTAPAN CITRA

Reputasi universiti memainkan peranan penting dalam menarik lebih ramai pelajar, penyelidik dan pemegang taruh lain untuk datang dan bekerjasama dengan UMT. Reputasi tinggi melambangkan pengiktirafan pihak luar terhadap kualiti pengajaran dan pengajaran, penyelidikan, keupayaan pelajar dan graduan serta imej keseluruhan UMT itu sendiri. Oleh itu, Teras Pemantapan Citra digarap bagi menonjolkan reputasi dan imej UMT sebagai sebuah universiti peneraju ilmu kelautan dan sumber akuatik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



OS 1 :

MENINGKATKAN REPUTASI DALAM KALANGAN WARGA TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Reputasi universiti penting kerana ia merupakan persepsi awal komuniti tempatan dan antarabangsa terhadap kualiti pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan imej keseluruhan universiti. Oleh itu, untuk tempoh 5 tahun mendatang, UMT akan memberi tumpuan serius terhadap pembinaan reputasi universiti secara menyeluruh dalam kalangan warga tempatan dan antarabangsa supaya dapat memberikan keyakinan kepada semua pemegang taruh untuk terus bekerjasama dengan UMT di samping dapat menarik pelajar dan penyelidik terbaik dari seluruh dunia.



KPI 1: Penubuhan Pusat Ekonomi Biru

2023	2024	2025	2026	2027
-	-	-	-	100%

KPI 2: Pencapaian reputasi akademik di Malaysia

2023	2024	2025	2026	2027
Top 18	Top 16	Top 14	Top 12	Top 10

KPI 3 : Pencapaian reputasi industri di Malaysia

2023	2024	2025	2026	2027
Top 24	Top 20	Top 16	Top 14	Top 10

KPI 4 : Peratus pelajar menjadikan UMT pilihan 1 hingga 3

2023	2024	2025	2026	2027
50%	55%	60%	65%	70%

INISIATIF

1. Penubuhan Pusat Ekonomi Biru pada tahun 2027.
2. Meningkatkan penerbitan berimpak di dalam media massa tempatan dan antarabangsa.
3. Mewujudkan pakej promosi berimpak dan hebahan bahan penerbitan kepada rakan akademik tempatan dan antarabangsa.
4. Merealisasikan aktiviti yang dimeterai dalam MoU bersama universiti antarabangsa.
5. Memperluaskan penglibatan pengamal industri dalam pembelajaran dan pengajaran.
6. Meningkatkan penglibatan alumni dalam aktiviti universiti.
7. Membuat hebahan bahan penerbitan kepada pihak sekolah, guru dan pelajar sekolah.
8. Melaksanakan aktiviti UMT Outreach kepada kolej dan sekolah sasaran.
9. Menggiatkan perluasan platform hebahan/promosi *out-of-the-house* secara fizikal atau dalam talian.



OS 2 :

MELONJAKKAN PENARAFAN UNIVERSITI DALAM KALANGAN TERBAIK

Keupayaan UMT menempatkan kedudukan terbaik dalam penarafan akan menonjolkan citra dan membina reputasi yang baik bagi universiti kerana penarafan universiti memberikan gambaran kepada masyarakat tentang kualiti dan reputasi sesebuah universiti. Menjadi universiti terbaik dapat menarik kehadiran pelajar dan penyelidik terbaik dari seluruh dunia. Selain itu, ini dapat meningkatkan keyakinan organisasi antarabangsa dan tempatan untuk berkolaborasi dengan UMT.



KPI 1 : Pencapaian dalam penarafan THE World University Rankings

2023	2024	2025	2026	2027
1,001-1,200	1,001-1,200	Top 1,000	Top 1,000	Top 800

KPI 2 : Pencapaian dalam penarafan QS World University Rankings

2023	2024	2025	2026	2027
1,001-1,200	Top 1,000	Top 800	Top 700	Top 600

KPI 3 : Pencapaian dalam penarafan QS World University Rankings (Asia)

2023	2024	2025	2026	2027
Top 150	Top 130	Top 120	Top 110	Top 100

KPI 4 : Pencapaian dalam penarafan MyRA KPT

2023	2024	2025	2026	2027
5 bintang	5 bintang	6 bintang	6 bintang	6 bintang

KPI 5 : Pencapaian dalam penarafan SETARA KPT

2023	2024	2025	2026	2027
5 bintang	6 bintang	6 bintang	6 bintang	6 bintang

KPI 6 : Pencapaian dalam penarafan Webometrics di dunia

2023	2024	2025	2026	2027
Top 1,500	Top 1,300	Top 1,200	Top 1,100	Top 1,000

INISIATIF

1. Melonjakkan kedudukan UMT dalam penarafan yang disertai dengan memenuhi kriteria dan indikator yang diperlukan.
2. Memastikan strategi dan inisiatif di dalam PSUMT 2023-2027 dapat dilaksanakan dengan jaya.

OS 3 :

MELONJAKKAN KEDUDUKAN DALAM BIDANG TUJAHAN UNIVERSITI

UMT merupakan universiti yang memberikan tumpuan khusus kepada bidang Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik. UMT percaya bahawa bidang Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik memiliki potensi yang besar untuk memberikan sumbangan signifikan kepada kesejahteraan manusia dan kelestarian alam. Oleh itu, UMT komited untuk menjadi peneraju dalam bidang Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik, tidak hanya di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat global. Visi ini akan dicapai melalui pelaksanaan inisiatif strategik Teras PSUMT 2023-2027.



KPI 1 : Pencapaian dalam penarafan QS World Subject Rankings – *Earth and Marine Sciences*

2023	2024	2025	2026	2027
-	-	-	-	Top 200

KPI 2 : Pencapaian dalam penarafan QS World Subject Rankings – *Agriculture and Forestry*

2023	2024	2025	2026	2027
251-300	201-250	151-200	101-150	Top 100

KPI 3 : Pencapaian universiti terbaik dalam bidang Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik di Malaysia

2023	2024	2025	2026	2027
-	-	-	-	Nombor 1

KPI 4 : Pencapaian universiti terbaik dalam bidang Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik di Asia

2023	2024	2025	2026	2027
-	-	-	-	Top 10

INISIATIF


1. Meningkatkan penyelidikan dan penerbitan dalam bidang tujahan.
2. Meluaskan kolaborasi bersama universiti antarabangsa tersohor dalam bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik.
3. Meluaskan kolaborasi bersama agensi dan industri kebangsaan dan antarabangsa dalam bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik.







Bidang Tujahan
- Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik




RV Discovery – untuk tujuan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran



Universiti Awam di Malaysia yang menawarkan pelbagai program pengajian ijazah sarjana muda dalam bidang marin dan maritim.



SALIHIN -UMT TAF (Teaching Accounting Firm) - Pertama di Malaysia dan dunia hasil kerjasama UMT dan SALIHIN Chartered Accountant



Program Teaching Port - program pertama di Malaysia kerjasama antara UMT dan Pelabuhan Kemaman khusus buat Pengendali dan Pengurus pelabuhan.



Simulator Pengendalian Kapal bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran



Pusat Asasi STEM




Pusat Latihan Pelayaran UMT




Survival Laut dan Penghayatan Warisan - Program unik untuk pelajar baharu



MaLTraC - Malaysia Maritime Logistic and Transport Centre
- Pertama di Malaysia di kampus UMT



ICoE - Industry Centre of Excellence Kluster Maritim



WOW FACTOR

Stesen-stesen Penyelidikan – Bukit Kor, Pulau Bidong, Chagar Hutang (Pulau Redang), Tanah Bencah Setiu dan Tasik Kenyir




Institute of Oceanography & Environment (INOS) - Higher Institution Centre of Excellence (HICoE) dalam bidang Oseanografi dan Sains Marin




AKUATROP - Higher Institution Centre of Excellence (HICoE) dalam bidang Future Food: Sustainable Shellfish Aquaculture



Ocean Teacher Global Academy (OTGA) Regional Training Centre pertama di Asia Pasifik – Dianugerahkan oleh IODE UNESCO




INOS Marine Database - Pertama di dunia diakreditasi sebagai Associate Data Unit (ADU) bagi program International Oceanographic Data and Information Exchange (IODE) oleh Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC) – Dianugerahkan oleh UNESCO



Satu-satunya Hatcheri Krustasia di Malaysia



Pusat Menyelam UMT - Pusat menyelam terletak di stesen penyelidikan UMT (Pulau Bidong)




Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan - Menempatkan koleksi spesimen marin terbanyak di Malaysia



Sistem Ramalan Marin Malaysia (MFAST) - Sistem ramalan lautan (OFS) pertama di Malaysia dengan data resolusi tinggi digunakan untuk aktiviti berkaitan marin



SEATRU – Unit Penyelidikan Penyu Laut di Chagar Hutang, Pulau Redang – Diiktiraf oleh UNESCO



Pusat Arkeologi Bawah Air pertama di Malaysia - diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia terletak di perairan pulau penyelidikan UMT, Pulau Bidong di bawah kendalian UMT Dive Centre.



KESIMPULAN

Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2023-2027 merupakan kesinambungan perancangan 5 tahun yang terhasil daripada garapan bersama oleh semua pihak untuk menjadi UMT sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani antarabangsa. Pembangunan PSUMT 2023-2027 telah dijajarkan bersama agenda negara dan global berpandukan Kerangka Malaysia Madani, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals-SDGs).

Justeru, lapan teras utama dibangunkan iaitu Teras Pemerkasaan Bakat, Teras Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran, Teras Pembangunan Pelajar, Teras Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Teras Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri, Teras Keterlihatan Global, Teras Kelestarian dan Pendigitalan Kampus serta Teras Pemantapan Citra. Kesemua teras ini disokong oleh 25 Objektif Strategi dan 79 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur keberkesanan dan pencapaian yang dilaksanakan.

UMT yakin melalui PSUMT 2023-2027, UMT akan terus mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi pada masa hadapan. UMT juga percaya bahawa semangat kebersamaan seluruh warga yang berganding bahu dan komited dalam melaksanakan segala perancangan akan membawa UMT ke arah kegemilangan global.



PENGHARGAAN

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
Merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti
Naib Canselor UMT
Timbalan-timbalan Naib Canselor
Pro-pro Naib Canselor
Pegawai-pegawai Utama
Pegawai-pegawai Kanan
Pengerusi-pengerusi Teras
Penyelaras dan Pegawai Penghubung Pusat Tanggungjawab
Pejabat Komunikasi Korporat
Penerbit UMT
Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko selaku Urus setia serta semua
pihak yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama dalam penggubalan dan penerbitan buku
PELAN STRATEGIK UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (PSUMT) 2023-2027


Love
UMT
UMT


PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UMT



Nota :